Kumpulan telah menerima pakai FRS baru dan disemak semula serta *IC Interpretation* mandatori bagi tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2011. Pemakaian piawaian dan interpretasi ini tidak mempunyai apa-apa kesan ke atas prestasi kewangan atau kedudukan Kumpulan kecuali *IC Interpretation 12: Perjanjian Konsesi Perkhidmatan*. *IC Interpretation 12* memberi panduan perakaunan kepada operator swasta melaksanakan obligasi awam melalui Perjanjian Konsesi Perkhidmatan. Syarikat telah menerima pakai *IC Interpretation 12* yang dikebelakangkan selaras dengan peruntukan peralihannya.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, jumlah Hasil Kumpulan adalah RM504.58 juta berbanding dengan RM473.53 juta (dinyatakan semula) pada 2010, mewakili peningkatan sebanyak 6.6%. Hasil dari perkhidmatan pelabuhan dan perkhidmatan bulking telah meningkat sebanyak RM22.63 juta dan RM8.36 juta masing-masing ekoran dari peningkatan dalam kendalian kargo.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, Kumpulan telah mencatatkan Keuntungan Selepas Cukai berjumlah RM170.71 juta, peningkatan sebanyak 22.42% berbanding RM139.44 juta (dinyatakan semula) dalam tahun 2010. Jumlah Dana Pemegang Saham pada 2011 adalah RM660.24 juta.

Kumpulan akan meningkatkan kecekapan dan daya saing dalam usaha mengatasi cabaran semasa.

URUSTADBIR KORPORAT

Selaras dengan Kod Urustadbir Korporat Malaysia, Lembaga Pengarah akan memastikan bahawa sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk memelihara pelaburan pemegang saham dan aset Syarikat. Segala aktiviti korporat dan amalan perniagaan dilaksanakan mengikut prinsip Urustadbir Korporat yang baik. Perincian pelbagai inisiatif pematuhan dinyatakan dalam Penyata Urustadbir Korporat di muka surat 54 hingga 61 Laporan Tahunan ini.

PRESTASI SYARIKAT SUBSIDIARI

Prestasi keseluruhan dua (2) syarikat subsidiari milik penuh Kumpulan iaitu Bintulu Port Sdn Bhd (BPSB) dan Biport Bulkers Sdn. Bhd. (BBSB) telah meningkat sejak beberapa tahun yang lalu.

Bagi BPSB, kendalian kargo telah meningkat sebanyak 2.65% daripada 40.61 juta tan pada 2010 kepada 41.70 juta tan pada tahun 2011. LNG masih kekal sebagai penyumbang utama dengan 24.89 juta tan dari kendalian kargo dan bakinya 16.81 juta tan merupakan Kargo Bukan LNG. Kendalian Kontena mencatatkan penurunan daripada 251,296 TEUs pada tahun 2010 kepada 215,451 TEUs pada tahun semasa. Jumlah singgahan kapal telah meningkat sedikit dari 7,601 buah kapal pada tahun 2010 kepada 7,606 buah kapal pada tahun 2011.

Kendalian kargo satu lagi anak syarikat milik penuh Bintulu Port Holdings Berhad, BBSB khusus dalam penyediaan perkhidmatan *bulking* dan penstoran telah meningkat dari 2.12 juta metrik tan kepada 2.53 juta metrik tan pada tahun 2010 dan 2011 masing-masing disebabkan oleh peningkatan dalam eksport CPO hasil daripada harga pasaran yang menggalakkan.

DIVIDEN

Kumpulan telah membayar jumlah Dividen Sistem Setingkat sebanyak 30.00 Sen sesaham pada tahun 2010 tidak termasuk 7.50 Sen sesaham dalam bentuk Dividen Khas. Bagi tahun semasa 2011, Lembaga Pengarah telah memperakurkan pembayaran Dividen Akhir Sistem Setingkat sebanyak 7.50 Sen sesaham dan Dividen Khas Sistem Setingkat sebanyak 7.50 Sen sesaham. Setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan ini, dividen akan dibayar pada 25 Mei 2012. Oleh itu, jumlah keseluruhan pembayaran dividen bagi tahun semasa adalah RM150.00 juta atau 37.50 Sen sesaham.

Lembaga Pengarah percaya bahawa pembayaran dividen di atas adalah berpatut dan mencerminkan pulangan yang kompetitif kepada pemegang saham.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

Staff Kumpulan telah dilatih dalam bidang masing-masing dalam usaha menjadikan mereka kompeten dan boleh dipercayai di tempat kerja. Sejumlah RM1.8 juta telah dibelanjakan untuk latihan dan pembangunan modal insan dalam tahun 2011. Selain daripada memberi tumpuan kepada kompetensi dan produktiviti, Kumpulan telah memberi penekanan ke atas aspek kesihatan, keselamatan dan kebijakan pekerja serta keluarga mereka. Kerja berpasukan dan kreativiti juga digalakkan melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

Loss Time Injuries (LTI) dan Employee Satisfaction Survey (ESS) telah digunakan sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam tahun 2011 untuk menilai pencapaian tahap keselamatan di tempat kerja dan kepuasan keseluruhan ke atas Kumpulan. Kumpulan telah mengekalkan akreditasi berprestij keselamatan dan alam sekitar dari Biro Veritas Certification (M) Sdn. Bhd.

Kumpulan telah mengkaji semula pakej imbuhan staf selaras dengan perkembangan pasaran untuk menarik dan mengekalkan staf berbakat. Peluang yang sama telah diberikan kepada semua staf yang kompeten untuk kenaikan pangkat tanpa mengira jantina. Pengambilan baru dibuka kepada semua calon berkelayakan untuk berkhidmat dengan Syarikat.

Customer Satisfaction Index (CSI) merupakan satu lagi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang diamalkan secara meluas untuk mengukur tahap perkhidmatan dan gelagat organisasi Syarikat secara keseluruhannya. Penglibatan semua pihak dalam spektrum perniagaan adalah penting dalam kajian ini. Pembaikan akan dilakukan untuk menutup jurang terlihat dan meningkatkan tahap perkhidmatan selaras dengan misi Syarikat.

Sepanjang tahun, Kumpulan telah mengambil bahagian dalam aktiviti yang berkaitan anjuran masyarakat tempatan. Selain dari itu, Kumpulan terus menyumbang kepada hospital tempatan, sekolah-sekolah, persatuan-persatuan tempatan dan badan-badan kebajikan di mana pada tahun 2011 Kumpulan telah membelanjakan kira-kira RM0.4 juta untuk program komuniti.

Kumpulan juga secara berterusan memantau persekitaran pelabuhan untuk menentukan impak terbit dari aktiviti-aktiviti operasi. Langkah-langkah pencegahan dan pembaikan telah diambil untuk mengurangkan kesannya. Pasukan khas telah ditugaskan memantau dan melaporkan kesan kepada Pengurusan untuk tindakan selanjutnya.

Kumpulan telah melantik perunding untuk mengkaji *Carbon Footprint Baseline* dengan objektif memetakan *Carbon Footprint* dan mengambil tindakan pembaikan. Kajian ini akan memberi pemahaman yang lebih baik mengenai kesan pengeluaran karbon terhadap Pelabuhan Bintulu dan persekitarannya.

PROSPEK MASA DEPAN

Bagi perkhimatan pelabuhan, kendalian kargo LNG dan Bukan LNG masing-masing telah menyumbang 59.69% dan 40.31%. Hasil yang dijana dari sektor LNG adalah 74.53% manakala sektor Bukan LNG telah menyumbang 25.46% daripada jumlah hasil operasi Syarikat. Kumpulan akan mengurangkan kebergantungan kepada LNG dari paras semasa kepada 60% dalam beberapa tahun akan datang. Bagi tujuan ini, Kumpulan akan terus menarik trafik, meningkatkan kapasiti dan keupayaan, memperbaiki pengurusan kos dan dana serta membangun perniagaan baru.

Pada masa yang sama, Kumpulan juga akan mengatur semula kedudukannya untuk memberi perkhidmatan kepada Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE) dari segi penyediaan perkhidmatan pelabuhan dan penyediaan kemudahan pelabuhan termasuk pengurusan dan operasi terminal.

Kerajaan Sarawak telah menjemput Bintulu Port Holdings Berhad atau anak syarikatnya mengemukakan cadangan Pembangunan Pelabuhan Samalaju. Semua kajian yang relevan telah dijalankan dan cadangan tersebut juga telah dikemukakan kepada Kerajaan Sarawak untuk pertimbangan lanjut. Sementara itu, Kumpulan terlibat dalam perbincangan serius dengan Kerajaan Sarawak mengenai cadangan pembangunan berkenaan. Adalah dijangka bahawa kemudahan interim bagi cadangan pembangunan berkenaan akan siap untuk beroperasi menjelang suku pertama 2013.

Tumpuan khusus akan diberikan kepada pembangunan sektor minyak dan gas, minyak sawit, kargo pukal dan sektor kontena. Beberapa projek yang berkaitan telah dikenalpasti untuk pembangunan masa depan seperti Terminal Minyak dan Gas, Development of 300 Meter General Cargo Wharf, Storage Yards and Sheds dan Redevelopment of General Cargo Wharf untuk operasi kontena.

Kumpulan juga telah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan untuk melanjutkan tempoh konsesi sedia ada, semakan Tarif Bukan LNG dan pengurangan sewa pajakan dalam usaha merasionalkan pembangunan masa hadapan yang akan dilaksanakan oleh Syarikat serta mengurangkan impak pengurangan Tarif LNG. Kini Kerajaan sedang meneliti dengan serius cadangan tersebut.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan saya kepada Pengurusan dan staf atas keyakinan dan komitmen mereka dalam membuat tahun ini berjaya.

Saya juga ingin menyampaikan setinggi penghargaan kepada semua pemegang saham khususnya Kementerian Kewangan (Diperbadankan) selaku Pemegang Saham Khas, PETRONAS, Setiausaha Kewangan Sarawak, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan stakeholders serta Kerajaan Sarawak, Badan Kerajaan dan Agensi-Agensinya, pelanggan, rakan perkapalan dan pengguna pelabuhan di atas sokongan padu mereka. Akhir sekali, tidak terkecuali untuk rakan Pengarah saya terima kasih atas sokongan padu anda, serta bimbingan dan kerjasama.

Terima kasih.

TAN SRI DATO SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH

Pengerusi
Bintulu Port Holdings Berhad

STATEMENT OF CHIEF EXECUTIVE OFFICER



OPENING REMARKS

Bintulu Port's challenge is to continuously stay competitive in the industry in terms of cost and services. We strive to provide quality and efficient services to the customers as part of the ongoing effort to retain and attract existing and new customers. The port will definitely reposition itself to serve the Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE) in terms of provision of port services and facilities including terminal operation and management.

FINANCIAL PERFORMANCE

For the year 2011, the Group recorded Total Operating Revenue of RM483.95 million, as compared to RM454.95 million in 2010. Revenues from port services contributed RM454.73 million in 2011 from RM434.04 million in 2010 whilst revenue from bulking services contributed RM29.22 million compared to RM20.91 million in 2010.

Under IC 12, the Group has recognized revenue from construction services in respect of the upgrading of port facilities. Revenue from construction services for concession infrastructure in 2011 is RM6.19 million whilst in 2010 was RM59.88 million.

The Non-Operating Revenue for the Group was RM14.44 million as compared to RM18.58 million in 2010.

The Profit Before Taxation was RM181.57 million as compared to RM183.29 million in 2010.

The profit after taxation of RM170.71 million in 2011 is higher by RM31.27 million compared to RM139.44 million achieved in 2010. During the year 2011, the Minister of Finance has granted approval on the tax incentive for a subsidiary, Bintulu Port Sdn Bhd., for Approved Service Project (ASP) in the form of Investment Allowance under Schedule 7B of the Income Tax Act 1967, for the port's expansion and development projects. The Investment Allowance rate approved is 60% in respect of qualifying capital expenditure incurred from 2008 to 2012.

OPERATIONAL PERFORMANCE

The total cargo throughput in 2011 was 41.70 million tonnes compared 40.63 million tonnes in 2010. The increase is contributed mostly by the LNG cargo.

The total number of containers handled decreased by 14.26% from 251,296 TEUs in 2010 to 215,451 TEUs in 2011.

The total number of vessel calls increased from 7,601 calls in 2010 to 7,606 calls in 2011.

The total cargo throughput for Biport Bulkers Sdn Bhd (BBSB) another subsidiary of the Bintulu Port Holdings Berhad has registered an increase of 19.5% from 2.12 million metric tones in 2010 to 2.53 million metric tonnes in 2011. This is due to increase in demand for RBD Olein and RBD Stearine as well as CPO from the importing countries. BBSB has recently completed the construction of additional 10 units bulking tanks. The total tanks capacity is 102,000 mt making it the biggest edible oil bulking installation in East Malaysia.

PORT SAFETY

As an International Ship and Ports Facility Security (ISPS) compliance port, the company never compromise on the safety aspect of the port. All staff, port users, clients and customers are required to adhere to the security and safety policies at all times. Standard Operating Procedures, documentation systems and Emergency Response Plan have been regularly reviewed to enhance the safety standard. Safety audit on port facilities and infrastructures, vessels and operational practices have also been carried out regularly to ascertain the level of compliance.

BUSINESS OUTLOOK

The Port is prepared to serve the SCORE Development Corridor through various initiatives that have been undertaken and identified. The development of the port infrastructure will be planned accordingly to serve the anticipated cargo generated by the industries within the SCORE. Bintulu Port Holding Berhad has been given the task to build, own and operate the Samalaju Port on some 450ha land earmarked by the State Government. Samalaju Port is to serve industries located at Samalaju Industrial Park, 60km from Bintulu Port.

The Port have also identified four major growth sectors to be given special focus within the immediate future. The most potential growth is the handling of oil and gas sector, palm oil products, dry bulk cargoes and containerized cargoes. This strategy will see that non LNG cargoes will contribute more to Bintulu Port cargo throughput and operating revenue thus reducing dependency on the LNG sector.

Bintulu Port is also pursuing to turn the port area into a Free Commercial Zone status. The Government has approved the creation of Free Commercial Zone (FCZ) at Bintulu Port in February 2011. Standard Operating Procedures, documentations and setting up of FCZ Department are currently in process. The FCZ will facilitate the implementation of strategic initiatives to grow volume for the container, fertilizer, break-bulk sector and new business opportunities related to the oil and gas industry.

APPRECIATION

On behalf of the management, I would like to record my sincere appreciation and gratitude to all staff and my fellow management team for their hard work towards the success of the company throughout the year 2011.

Finally I would also like to express my sincere appreciation to all the Board of Directors for their invaluable advice, guidance and trust in me heading the Company, to all our customers, shareholders and stakeholders, business associates and Government Authorities for their support. We look forward to your continuing partnership to propel the Group forward in the future.

We as a port operator will strive to provide quality and efficient services to the customers as part of the ongoing effort to retain and attract existing and new customers. We will also develop and synergize new businesses to attract cargo as part of our vision to become "The World Class LNG Port and the Port of BIMP-EAGA".

Thank you.

DATO MIOR AHMAD BAITI BIN MIOR LUB AHMAD

Chief Executive Officer
Bintulu Port Holdings Berhad

PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

KATA-KATA ALUAN

Cabaran Pelabuhan Bintulu adalah untuk terus kekal berdaya saing dalam industri ini dari aspek kos dan perkhidmatan. Kami berusaha untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan kepada pelanggan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengekal dan menarik pelanggan yang sedia ada dan yang baru. Pelabuhan Bintulu dengan kedudukannya dengan pasti akan tetap bersedia untuk berkhidmat dalam Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE) dari segi penyediaan perkhidmatan dan kemudahan pelabuhan termasuk pengurusan operasi terminal dan pengurusan.

PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun 2011, Kumpulan mencatatkan Hasil Operasi berjumlah RM483.95 juta, berbanding RM454.95 juta pada tahun 2010 manakala hasil daripada perkhidmatan pukal menyumbang RM29.22 juta berbanding RM20.91 juta pada tahun 2010.

Di bawah IC 12, Kumpulan telah mengiktiraf hasil perkhidmatan pembinaan ekoran dari menaik taraf kemudahan pelabuhan. Hasil daripada perkhidmatan pembinaan infrastruktur konsesi pada tahun 2011 adalah RM6.19 juta manakala pada tahun 2010 adalah RM59.88 juta.

Hasil Bukan Operasi bagi Kumpulan adalah RM14.44 juta berbanding RM18.58 juta pada tahun 2010.

Keuntungan Sebelum Cukai adalah RM181.57 juta berbanding RM183.29 juta pada tahun 2010.

Keuntungan selepas cukai sebanyak RM170.71 juta pada tahun 2011 adalah lebih tinggi sebanyak RM31.27 juta berbanding RM139.44 juta yang dicapai pada tahun 2010. Pada tahun 2011, Menteri Kewangan telah memberi kelulusan insentif cukai untuk Bintulu Port Sdn.Bhd., untuk Projek Perkhidmatan Diluluskan (ASP) dalam bentuk Elaun Pelaburan di bawah Jadual 7B Akta Cukai Pendapatan 1967, untuk pengembangan dan projek-projek pembangunan pelabuhan itu. Kadar Elaun Pelaburan yang diluluskan ialah 60% untuk perbelanjaan modal yang layak dari 2008 hingga 2012.

PRESTASI OPERASI

Jumlah kendalian kargo pada tahun 2011 adalah 41.70 juta tan berbanding 40.63 juta tan pada tahun 2010. Peningkatan ini kebanyakannya disumbangkan oleh kargo LNG.

Jumlah kontena yang dikendalikan menurun sebanyak 14.26% dari 251.296 TEUs pada 2010 kepada 215.451 TEUs pada tahun 2011.

Jumlah kedatangan kapal meningkat daripada 7601 panggilan pada tahun 2010 kepada 7606 panggilan pada tahun 2011.

Jumlah kargo kendalian dari Biport Bulkers Sdn.Bhd (BBSB) salah satu lagi anak syarikat Bintulu Port Holdings Berhad telah mencatatkan peningkatan 19.5% dari 2.12 juta tan metrik pada tahun 2010 kepada 2.53 juta tan metrik pada tahun 2011. Ini adalah disebabkan peningkatan permintaan untuk RBD Olein dan RBD Stearine dan juga CPO dari negara pengimpor. BBSB baru-baru ini telah menyiapkan pembinaan 10 unit tambahan *bulking tanks*. Kapasiti tangki jumlah 102,000 mt adalah pemasangan *bulking tanks* minyak makan terbesar di Malaysia Timur.

KESELAMATAN PELABUHAN

Sebagai pelabuhan yang diiktiraf dengan International Ship and Port Facility Security (ISPS), Syarikat tidak akan berkompromi dalam aspek keselamatan pelabuhan. Semua kakitangan, pengguna pelabuhan, dan pelanggan perlu mematuhi dasar dan polisi keselamatan pada setiap masa. Prosedur Operasi, sistem dokumentasi dan Pelan Tindakan Kecemasan telah kerap kali disemak semula untuk meningkatkan tahap keselamatan. Audit keselamatan ke atas kemudahan pelabuhan dan prasarana, kapal dan amalan operasi juga telah dilakukan secara kerap untuk menentukan tahap pematuhan.

GAMBARAN UMUM PERNIAGAAN

Pelabuhan ini bersedia untuk berkhidmat untuk Koridor Pembangunan SCORE melalui pelbagai inisiatif yang telah diambil dan dikenalpasti. Pembangunan infrastruktur pelabuhan akan dirancang sewajarnya untuk perkhidmatan ke atas jenis kargo yang dijangka akan dikendalikan dalam SCORE. Bintulu Port Holdings Berhad telah diamanahkan untuk membina, memiliki dan mengendalikan Pelabuhan Samalaju di tanah 450ha yang dikenalpasti oleh Kerajaan Negeri. Pelabuhan Samalaju berperanan untuk menyediakan perkhidmatan kepada industri yang terletak di Taman Perindustrian Samalaju, 60km dari Pelabuhan Bintulu.

Pelabuhan Bintulu juga telah mengenal pasti empat pertumbuhan sektor utama yang diberi tumpuan khas dalam masa terdekat. Pertumbuhan yang paling berpotensi ialah sektor minyak dan gas, produk minyak sawit, kargo pukal kering dan pengendalian kargo kontena. Strategi ini akan memperlihatkan bahawa Kargo bukan-LNG akan menyumbang kepada kendalian kargo Pelabuhan Bintulu dan hasil operasi seterusnya mengurangkan pergantungan kepada sektor LNG.

Pelabuhan Bintulu juga berusaha untuk meletakkan kawasan pelabuhan ke dalam Status Zon Perdagangan Bebas. Kerajaan telah meluluskan penubuhan Zon Perdagangan Bebas (FCZ) di Pelabuhan Bintulu pada bulan Februari 2011. Prosedur Operasi, dokumentasi dan penubuhan Jabatan FCZ sedang di dalam proses. FCZ ini akan memudahkan pelaksanaan inisiatif strategik untuk mengembangkan kendalian kontena, baja, sektor break-bulk dan peluang perniagaan baru yang berkaitan dengan industri minyak dan gas.

PENGHARGAAN

Bagi pihak pengurusan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua kakitangan dan rakan pengurusan di atas usaha gigih mereka ke arah kejayaan syarikat sepanjang tahun 2011.

Akhir sekali, saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada semua ahli Lembaga Pengarah atas nasihat yang tidak ternilai, tunjuk ajar dan kepercayaan kepada saya dalam menerajui syarikat, juga kepada semua pelanggan, pemegang saham dan pihak berkepentingan, rakan perniagaan dan pihak berkuasa tempatan atas sokongan mereka. Kami berharap akan dapat terus berkerjasama untuk memajukan Kumpulan di masa hadapan.

Kami sebagai pengendali pelabuhan akan berusaha untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan kepada pelanggan kami sebagai sebahagian daripada usaha berterusan dalam mengekalkan dan menarik pelanggan baru dan yang sedia ada. Kami juga akan membangunkan dan menjana perniagaan baru untuk menarik kargo, sebagai sebahagian daripada visi kami untuk menjadi "Pelabuhan LNG bertaraf dunia dan pelabuhan di BIMP-EAGA".

Sekian, terima kasih.

DATO MIOR AHMAD BAITI BIN MIOR LUB AHMAD

Ketua Pegawai Eksekutif
Bintulu Port Holdings Berhad

GROUP BOARD OF DIRECTORS

LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN



Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah

Chairman
Pengerusi
Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd. Zahidi bin Zainuddin

Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim

Independent Non-Executive Director
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Datuk Nasarudin bin Md. Idris

Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



**Dato' Mohamad Norza
bin Zakaria**

Independent Non-Executive Director
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

GROUP
OF DIR



Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa

Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Datuk Fong Joo Chung

Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Datuk Hashim bin Ismail

Independent Non-Executive Director
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



**Datu Hj. Abang Halmi
bin Ikhwan**

Independent Non-Executive Director
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



**Dato Mohammad Medan
bin Abdullah**

Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

BOARD DIRECTORS

PROFILE OF DIRECTORS

PROFIL-PROFIL PENGARAH



TAN SRI DATO SRI DR. WAN ABDUL AZIZ

BIN WAN ABDULLAH

Malaysian aged 59

Warganegara Malaysia, 59 tahun

Chairman

Non-Independent Non-Executive Director

Pengerusi

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abdul Aziz, aged 59, a Malaysian, was appointed on 1st November 2009 by the Special Shareholder under Article 109A (1) of the Company's Articles of Association as a Non-Independent Non-Executive Director cum Chairman of Bintulu Port Holdings Berhad. He serves as the Chairman of the Development Committee.

He holds a Bachelor of Economics (Honours) degree in Applied Economics from University of Malaya and a Master of Philosophy in Development Studies from the Institute of Development Studies, University of Sussex, Brighton United Kingdom. Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz obtained his PhD (Business Economics) from the School of Business and Economic Studies, University of Leeds, Leeds United Kingdom. He attended the Advanced Management Program at Harvard Business School, Harvard University, Boston, Massachusetts, USA in 2004.

He began his career in 1975 in the Administrative and Diplomatic Service as Assistant Director of the Economic Planning Unit in the Prime Minister's Department. He was later promoted to the position of Senior Assistant Director, Macro-economics in 1984, Senior Assistant Director, Human Resource Section and Director, Energy Section in 1988. In the same year, he was seconded to the World Bank Group in Washington D.C., USA, representing South East Asia Group as Alternate Executive Director. He then served the Ministry of Finance as Deputy Secretary in the Economics and International Division in 2001. He later resumed to the Economic Planning Unit in the Prime Minister's Department as Deputy Director General (Macro) in 2004 and in 2005, he was appointed as the Deputy Secretary General of Treasury (Policy), Federal Treasury in the Ministry of Finance. In 2007, he was appointed Secretary General of Treasury in the Ministry of Finance, the position he held until today.

Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abdul Aziz is also the Chairman of Inland Revenue Board, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Cyberview Sdn. Bhd., Pembinaan BLT Sdn. Bhd. and Kuala Lumpur International Airport Berhad. He also sits on the Board of Federal Land Development Authority (FELDA), Felda Global Ventures Holdings Sdn. Bhd., Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), MISC Berhad, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS), Pelaburan Hartanah Bumiputera Berhad (PHBB), Bank Negara Malaysia, Malaysia Deposit Insurance Corporation (PIDM) and University Malaysia Kelantan.

Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah has attended all ten (10) Board Meetings, three (3) Development Committee Meetings and one (1) Annual General Meeting which were held in the financial year ended 31st December 2011.

Tan Sri Dato Sri Dr Wan Abdul Aziz, berusia 59 tahun merupakan seorang warganegara Malaysia, telah dilantik pada 1 November 2009 oleh Pemegang Saham Khas dibawah Artikel 109A (1) Tataturusan Syarikat sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif merangkup Pengerusi Bintulu Port Holdings Berhad. Beliau turut bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan.

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi dalam Ekonomi Gunaan dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Falsafah dalam bidang Pengajian Pembangunan dari Institut Pengajian Pembangunan, Universiti Sussex Brighton, United Kingdom. Tan Sri Dato Sri Dr Wan Abdul Aziz memperolehi Ijazah Falsafah (PhD) (Ekonomi Perniagaan) dari Sekolah Perniagaan dan Pengajian Ekonomi, University of Leeds, Leeds United Kingdom. Beliau telah menghadiri Program Lanjutan Pengurusan di Harvard Business School, Universiti Harvard, Boston, Massachusetts, Amerika Syarikat pada tahun 2004.

Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1975 dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik sebagai Penolong Pengarah Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat ke jawatan Penolong Pengarah Kanan, Macro-ekonomi pada tahun 1984, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Sumber Manusia dan Pengarah, Seksyen Tenaga pada tahun 1988. Pada tahun yang sama, beliau telah dipinjamkan ke Kumpulan Bank Dunia di Washington DC, Amerika Syarikat, mewakili Kumpulan Asia Tenggara sebagai Pengarah Eksekutif Gantian. Beliau kemudian berkhidmat di Kementerian Kewangan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha di Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa pada tahun 2001. Kemudiannya beliau kembali semula ke Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Makro) pada tahun 2004 dan pada tahun 2005, beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), di Kementerian Kewangan. Pada tahun 2007, beliau telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan di Kementerian Kewangan, jawatan yang dipegang sehingga ke hari ini

Tan Sri Dato Sri Dr Wan Abdul Aziz adalah juga Pengerusi Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Cyberview Sdn. Bhd., Pembinaan BLT Sdn. Bhd. dan Kuala Lumpur International Airport Berhad. Beliau juga adalah ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Felda Global Ventures Holdings Sdn. Bhd., Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), MISC Berhad, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS), Pelaburan Hartanah Bumiputera Berhad (PHBB), Bank Negara Malaysia, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan Universiti Malaysia Kelantan.

Tan Sri Dato Sri Dr Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah telah menghadiri kesemua sepuluh (10) Mesyuarat Lembaga Pengarah, kesemua tiga (3) Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan satu (1) Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

**TAN SRI DATO' SERI HJ. MOHD. ZAHIDI
BIN ZAINUDDIN**

Malaysian aged 63

Warganegara Malaysia, 63 tahun

Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd. Zahidi, berumur 63 tahun dan seorang warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Bintulu Port Holdings Berhad pada 16 Mac 2006. Beliau adalah merupakan Ahli Jawatankuasa Penamaan, Jawatankuasa Pembangunan serta Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Risiko.

Beliau adalah seorang Fellow di Malaysian Institute of Management (MIM). Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Pengajian Pertahanan dan Strategik dari Universiti Quaid-I-Azam, Islamabad, Pakistan, dan telah menghadiri Program Eksekutif Kanan di Universiti Harvard, Boston, Massachusetts, Amerika Syarikat pada tahun 2002.

Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd. Zahidi mempunyai kerjaya yang cemerlang dan terpuji dalam Angkatan Tentera Malaysia setelah berkhidmat selama empat puluh (40) tahun. Beliau mula menyertai Angkatan Tentera Malaysia sebagai Pegawai Kadet di Maktab Tentera DiRaja, Sungai Besi pada tahun 1966 dan telah dinautahkan sebagai Leftenan Kedua Rejimen Askar Melayu DiRaja dalam bulan Mei 1968. Beliau menjadi Ketua Angkatan Tentera Malaysia selama setahun dari 1 Januari 1998 dan kemudiannya menjadi Ketua Angkatan Pertahanan Malaysia dari 1 Januari 1999 hingga persaraan beliau pada 30 April 2005. Antara pelantikan cemerlang beliau dalam Angkatan Tentera adalah Aide de Camp (ADC) kepada Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah, Komander Infantri Briged, Penolong Ketua Staf Sumber Manusia, Komander Latihan dan Doktrin Perintah Angkatan Tentera, Timbalan Panglima Angkatan Tentera dan Panglima Angkatan Tentera. Dalam tugas-tugas antarabangsa, Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd. Zahidi berkhidmat sebagai Pemerhati Tentera di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Kumpulan Pemantauan Antarabangsa di Iraq selepas gencatan senjata Iran-Iraq pada tahun 1988/1989.

Beliau telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara Perak oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak dan juga dilantik sebagai Pengarah, Yayasan Sultan Azlan Shah. Beliau juga dilantik sebagai Ahli Malaysia-Indonesia Aksara Kumpulan Terkemuka (EPG) oleh Perdana Menteri pada Julai 2008.

Jawatan-jawatan pengarah dalam syarikat awam lain termasuk Genting Malaysia Berhad, Genting Plantations Berhad, Cahya Mata Sarawak Berhad, Wah Seong Corporation Berhad dan Bandar Raya Developments Berhad. Sejak bersara dari Angkatan Tentera Malaysia (ATM), beliau berkhidmat sebagai Pengurus Affin Holdings Berhad pada 17 Oktober 2005 hingga sekarang.

Beliau merupakan salah seorang wakil Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dalam Lembaga Pengarah Syarikat.

Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd. Zahidi telah menghadiri sembilan (9) daripada sepuluh (10) Mesyuarat Lembaga Pengarah, semua empat (4) Mesyuarat Jawatankuasa Penamaan, termasuk satu (1) secara Edaran, semua tiga (3) Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan, satu (1) Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Risiko dan satu (1) Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd. Zahidi, aged 63, a Malaysian, was appointed to the Board of Bintulu Port Holdings Berhad as Non-Independent Non-Executive Director on 16th March 2006. He serves as a member of the Nomination Committee, the Development Committee and the Finance and Risk Management Committee.

He is a Fellow of the Malaysian Institute of Management (MIM). He holds a Master of Science Degree in Defence and Strategic Studies from the Quaid-I-Azam University, Islamabad, Pakistan and attended the Senior Executive Programme in Harvard University, Boston, Massachusetts, USA in 2002.

Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd. Zahidi has had a distinguished career in the Malaysian Armed Forces for almost forty (40) years. He first joined the Malaysian Armed Forces as an Officer Cadet at the Royal Military College, Sungai Besi in 1966 and was commissioned as a Second Lieutenant in the Royal Malay Regiment in May 1968. He became the Chief of the Malaysian Army for a year from 1st January 1998 and later became the Malaysian Chief of Defence Forces from 1st January 1999 till his retirement on 30th April 2005. His most notable appointments in the Armed Forces held were Aide de Camp (ADC) to His Majesty Yang Dipertuan Agong Sultan Azlan Shah, Commander Infantry Brigade, Assistant Chief of Staff Human Resources, Commander of Army Training and Doctrine Command, Deputy Chief of Army and Chief of Army. In international duties, Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd. Zahidi served as a Military Observer under the United Nations International Monitoring Group in Iraq after the Iran-Iraq War Ceasefire in 1988/1989.

He was made a Member of Dewan Negara Perak by DYMM Paduka Seri Sultan Perak on 25th November 2006 and is a Director of Yayasan Sultan Azlan Shah. He was also made a Member of the Malaysian-Indonesian Eminent Persons Group (EPG) by the Prime Minister in July 2008.

His directorships in other public companies include Genting Malaysia Berhad, Genting Plantations Berhad, Cahya Mata Sarawak Berhad, Wah Seong Corporation Berhad and Bandar Raya Developments Berhad. Ever since his retirement from the Armed Forces, he serves as the Chairman of Affin Holdings Berhad from 17th October 2005 until present.

He is one of the representatives of Sarawak State Financial Secretary on the Board of the Company.

Tan Sri Dato' Seri Hj. Mohd. Zahidi has attended nine (9) out of ten (10) Board Meetings, all four (4) Nomination Committee Meetings including one (1) by way of circulation, all three (3) Development Committee Meetings, one (1) Finance and Risk Management Committee Meeting and one (1) Annual General Meeting which were held in the financial year ended 31st December 2011.



DATO' SERI DR. HJ. ARSHAD BIN HASHIM

Malaysian aged 63

Warganegara Malaysia, 63 tahun

Independent Non-Executive Director
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Seri Dr. Hj. Arshad, aged 63, a Malaysian, was appointed to the Board of Bintulu Port Holdings Berhad as an Independent Non-Executive Director on the 1st December 2005. He serves as the Chairman of the Audit Committee and member of the Finance and Risk Management Committee.

He graduated from University Malaya in 1972 with a Bachelor of Arts (Hons) in Economics and then obtained a Diploma in Economic Development from Cambridge University, UK. He holds a Master in Economics from Vanderbilt, USA and Doctor of Philosophy (Ph.D) in Extension Education from UPM/NCSU.

Dato' Seri Dr. Hj. Arshad had served for over thirty (30) years in various positions in the Malaysian Civil Service where he first served as the Assistant Secretary of the Economic Division in the Ministry of Finance. He then climbed to the position of State Financial Officer of Penang in 1993. Other Civil Service related positions he had held included Director, Bumiputera Participation Division, Prime Minister's Department, Penang, Director General of Tourism Malaysia and Deputy Secretary General (Finance and Development) Ministry of Education. He retired in 2005 as the Secretary General, Ministry of Information, the position he held since 2001.

He is also the Chairman of Biport Bulkers Sdn. Bhd. (a subsidiary of Bintulu Port Holdings Berhad) and sits on the Board of NCB Holdings Berhad.

Dato' Seri Dr. Hj. Arshad has attended nine (9) out of ten (10) Board Meetings, all four (4) Audit Committee Meetings, one (1) Finance and Risk Management Committee Meeting and one (1) Annual General Meeting which were held in the financial year ended 31st December 2011.

Dato' Seri Dr. Hj. Arshad, berusia 63 tahun, merupakan seorang warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Bintulu Port Holdings Berhad pada 1 Disember 2005. Beliau adalah merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Ahli Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Risiko.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Ekonomi dari Universiti Malaya pada tahun 1972 dan kemudian mendapat Diploma dalam Pembangunan Ekonomi dari Universiti Cambridge di United Kingdom. Memiliki ijazah Sarjana Ekonomi dari Vanderbilt, Amerika Syarikat dan Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Lanjutan Pendidikan dari UPM / NCSU.

Dato' Seri Dr. Hj. Arshad telah berkhidmat lebih daripada tiga puluh (30) tahun dalam pelbagai jawatan di Perkhidmatan Awam Malaysia, di mana beliau mula berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha Bahagian Ekonomi, Kementerian Kewangan. Beliau kemudian dilantik ke jawatan Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang pada tahun 1993. Jawatan lain dalam Perkhidmatan Awam, termasuklah Pengarah, Bahagian Penyertaan Bumiputera, Jabatan Perdana Menteri, Pulau Pinang, Ketua Pengarah Pelancongan Malaysia dan Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan), Kementerian Pelajaran. Beliau bersara pada tahun 2005 sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Penerangan, jawatan yang disandangnya sejak 2001.

Beliau juga adalah Pengerusi Biport Bulkers Sdn. Bhd. (syarikat subsidiari Bintulu Port Holdings Berhad) dan juga merupakan ahli Lembaga Pengarah NCB Holdings Berhad.

Dato' Seri Dr. Hj. Arshad telah menghadiri sembilan (9) daripada sepuluh (10) Mesyuarat Lembaga Pengarah, semua empat (4) Mesyuarat Jawatankuasa Audit, satu (1) Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Risiko serta satu (1) Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan pada tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2011.

DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA
Malaysian aged 56
Warganegara Malaysia, 56 tahun

Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Dato' Sri Dr. Ali, warganegara Malaysia, berusia 56 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Bintulu Port Holdings Berhad pada 28 Julai 2010. Beliau juga adalah Ahli Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Risiko serta Jawatankuasa Pembangunan.

Beliau mendapat ijazah dari Universiti Malaya pada tahun 1979 dalam bidang Bachelor of Arts (Honours). Pada tahun 1986, beliau memperoleh Master dalam Sains (Ekonomi) dari Oklahoma State University, USA, dan a Ph.D dalam Environmental Economics pada tahun 1997 dari Universiti yang sama.

Sebaik memperolehi Ijazah Sarjana Muda, Dato' Sri Dr. Ali menyertai Universiti Malaya pada tahun 1979 sebagai tutor. Beliau menyertai Perkhidmatan Awam Malaysia pada 1981 selepas mendapat Diploma dalam Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Malaysia pada tahun 1980. Beliau telah memegang pelbagai jawatan dalam kapasiti pengurusan di Perkhidmatan Awam Malaysia dari tahun 1981 sehingga April 2009 dan di agensi-agensi sektor awam termasuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pengangkutan, INTAN dan Unit Perancang Ekonomi. Beliau juga telah mewakili negara dalam pelbagai persidangan antarabangsa dan seminar serta mesyuarat dua hala dan pelbagai hala.

Dato' Sri Dr. Ali kini adalah merupakan Pengarah, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) di Jabatan Perdana Menteri, jawatan yang beliau pegang sejak April 2009. Beliau menganggotai Lembaga Pengarah Johor Corporation dan tidak memegang sebarang jawatan pengarah lain dalam mana-mana syarikat awam lain.

Beliau adalah salah seorang wakil Kementerian Kewangan dalam Lembaga Pengarah Syarikat, yang dilantik di bawah Artikel 109A Tataurusan Syarikat.

Dato' Sri Dr. Ali telah menghadiri enam (6) daripada sepuluh (10) Mesyuarat Lembaga Pengarah, tiga (3) Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan satu (1) Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

Dato' Sri Dr. Ali, a Malaysian, aged 56, was appointed as a Non-Independent Non-Executive Director to the Board of Bintulu Port Holdings Berhad on 28th July 2010. He serves as a member of the Finance and Risk Management Committee and the Development Committee.

He graduated from the University of Malaya in 1979 with a Bachelor of Arts (Honours) degree. In 1986, he obtained a Master in Science (Economics) from Oklahoma State University, USA, and a Ph.D in Environmental Economics in 1997 from the same University.

Upon completion of his Bachelor Degree, Dato' Sri Dr. Ali joined University of Malaya in 1979 as a tutor. He since then joined the Malaysian Civil Service in 1981 after attaining a Diploma in Public Management from the National Institute of Public Administration (INTAN), Malaysia in 1980. He has held various positions in management capacity in the Malaysian Civil Service from 1981 until April 2009 and in public sector agencies including the Ministry of International Trade and Industry, Ministry of Transport, INTAN and Economic Planning Unit. He also represented the country in various international conferences and seminars as well as multilateral and bilateral meetings.

Dato' Sri Dr. Ali is currently the Director General of Public Private Partnership Unit (UKAS) in Prime Minister's Department, the position he holds since April 2009. He sits on the Board of Johor Corporation and does not hold any other directorship in any other public companies.

He is a representative of Ministry of Finance on the Board of the Company, appointed under Article 109A of the Company's Articles of Association.

Dato' Sri Dr. Ali has attended six (6) out of ten (10) Board Meetings, three (3) Development Committee Meetings and one (1) Annual General Meeting which were held in the financial year ended 31st December 2011.



DATUK FONG JOO CHUNG

Malaysian aged 62

Warganegara Malaysia, 62 tahun

Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Fong Joo Chung, a Malaysian, aged 62, was appointed as a Non-Independent Non-Executive Director to the Board of Bintulu Port Holdings Berhad on 16th September 2004. He serves as a member of the Remuneration Committee and the Development Committee.

He graduated from the University of Bristol, United Kingdom, with Bachelor Degree in Law in 1971 and obtained a Barrister-at-Law from Lincoln's Inn, London in 1971.

Prior to being admitted as the State Attorney-General, Sarawak in August 1992, he began his professional career as an advocate in private legal practice from December 1971 to July 1992. His service as the State Attorney-General ended on 31st December 2007, but he has been retained by the Sarawak Government in an advisory capacity as State Legal Counsel.

Datuk Fong Joo Chung is also the Chairman of Bintulu Port Sdn. Bhd. (a subsidiary of Bintulu Port Holdings Berhad) and holds directorship in several public and private limited companies, amongst others are Sarawak Energy Berhad, Encorp Berhad, Syarikat SESCO Berhad, Sarawak Cables Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sdn. Bhd., Harwood Timber Sdn. Bhd. and Permodalan Assar Sdn. Bhd.

He is one of the representatives of Sarawak State Financial Secretary on the Board of the Company.

Datuk Fong Joo Chung attended eight (8) out of ten (10) Board Meetings, all five (5) Remuneration Committee Meetings including one (1) by way of circulation, two (2) Development Committee Meetings and one (1) Annual General Meeting which were held in the financial year ended 31st December 2011.

Datuk Fong Joo Chung, seorang warganegara Malaysia, berusia 62 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Bintulu Port Holdings Berhad pada 16 September 2004. Beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pembangunan.

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Bristol, United Kingdom, pada tahun 1971 dan memperolehi Barrister-at-Law dari Lincoln's Inn, London pada tahun 1971.

Sebelum dilantik sebagai Peguam Besar Negeri Sarawak pada bulan Ogos 1992, beliau memulakan kerjaya profesionalnya sebagai peguambela di firma guaman persendirian dari Disember 1971 hingga Julai 1992. Perkhidmatan beliau sebagai Peguam Besar Negeri berakhir pada 31 Disember 2007, tetapi dia telah dilantik oleh Kerajaan Sarawak sebagai Penasihat Undang-undang Negeri.

Datuk Fong Joo Chung juga merupakan Pengurus Bintulu Port Sdn. Bhd (syarikat subsidiari Bintulu Port Holdings Berhad) dan memegang jawatan Pengarah dalam syarikat awam dan swasta lain termasuk Sarawak Energy Berhad, Encorp Berhad, Syarikat SESCO Berhad, Sarawak Cables Berhad, Perbadanan Pembangunan Borneo (Sarawak) Sdn. Bhd., Harwood Timber Sdn. Bhd. dan Permodalan ASSAR Sdn. Bhd.

Beliau adalah salah seorang wakil Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dalam Lembaga Pengarah Syarikat.

Datuk Fong Joo Chung telah menghadiri lapan (8) daripada sepuluh (10) Mesyuarat Lembaga Pengarah, kesemua lima (5) Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran termasuk satu (1) secara edaran, dua (2) Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan satu (1) Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

DATUK HASHIM BIN ISMAIL
Malaysian aged 66
Warganegara Malaysia, 66 tahun

Independent Non-Executive Director
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Datuk Hashim bin Ismail, berumur 66 tahun, seorang warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Bintulu Port Holdings Berhad pada 1 Disember 2005. Beliau turut bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Ganjaran dan Ahli Jawatankuasa Audit.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1975.

Memulakan kerjaya beliau dalam perkhidmatan awam sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pada tahun 1985. Beliau adalah Ahli Dewan Undangan Negeri Johor dan Exco Negeri Johor dari tahun 1990 sehingga tahun 1995. Beliau kemudiannya menyandang jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan sehingga beliau bersara pada tahun 2004.

Datuk Hashim tidak memegang sebarang jawatan pengarah dalam syarikat awam lain. Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengarah Biport Bulkers Sdn. Bhd (syarikat subsidiari Bintulu Port Holdings Berhad).

Datuk Hashim telah menghadiri lapan (8) daripada sepuluh (10) Mesyuarat Lembaga Pengarah, kesemua lima (5) Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran termasuk satu (1) secara edaran, kesemua empat (4) Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan satu (1) Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

Datuk Hashim bin Ismail, aged 66, a Malaysian, was appointed to the Board of Bintulu Port Holdings Berhad as an Independent Non-Executive Director on 1st December 2005. He serves as the Chairman of the Remuneration Committee and member of the Audit Committee.

He graduated with a Bachelor of Arts (Hons) from University of Malaya in 1975.

He began his career in civil service as a Senior Private Secretary to Deputy Minister of Energy, Telecommunication and Post in 1985. He was a Johor State Assemblyman and Johor State Exco from 1990 until 1995. He later assumed the position of Parliamentary Secretary to the Ministry of Finance until he retired in 2004.

Datuk Hashim does not hold any directorship in other public companies. He is currently the Board Member of Biport Bulkers Sdn. Bhd. (a subsidiary of Bintulu Port Holdings Berhad).

Datuk Hashim has attended eight (8) out of ten (10) Board Meetings, all five (5) Remuneration Committee Meetings including one (1) by way of circulation, all four (4) Audit Committee Meetings and one (1) Annual General Meeting which were held in the financial year ended 31st December 2011.



DATUK NASARUDIN BIN MD IDRIS

Malaysian aged 56

Warganegara Malaysia, 56 tahun

Non-Independent Non-Executive Director
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Nasarudin bin Md Idris, aged 56, a Malaysian, was appointed to the Board of Bintulu Port Holdings Berhad as Non-Independent Non-Executive Director on 26th August 2010. He serves as the Chairman of the Finance and Risk Management Committee, member of the Nomination Committee and the Development Committee.

He holds a Bachelor of Arts (Honours) Degree from University of Malaya and obtained a Master Degree in Business Administration from Henley – The Management College (Brunel University), United Kingdom. He has also attended the Stanford Executive Programme at Stanford University, United States of America. He went on to College of Petroleum Studies, United Kingdom and earned a Postgraduate Diploma in Petroleum Economics.

Since joining Petroliam Nasional Berhad ("PETRONAS") in 1978, Datuk Nasarudin appointments in various positions within the PETRONAS Group include as Vice President, Corporate Planning and Development of PETRONAS; Group Chief Executive Officer, KLCC Holdings Berhad; Senior General Manager, Corporate Planning and Development Division; Executive Assistant to the President; General Manager, Retail Business of PETRONAS Dagangan Berhad; General Manager, Corporate Development; and General Manager, Group Strategic Planning. He was also a Board member of PETRONAS from April 2005 until May 2010. He is currently a member of the Management Committee of PETRONAS.

At present, he is the President and Chief Executive Officer of MISC Berhad, a subsidiary of PETRONAS. He sits as the Chairman of Malaysia Marine & Heavy Engineering Holdings Berhad and a Director in NCB Holdings Bhd. He also serves on several boards of private limited companies, amongst others are AET Tanker Holdings Sdn. Bhd., Asia LNG Transport Sdn. Bhd., Asia LNG Transport Dua Sdn. Bhd., Centralised Terminals Sdn. Bhd., Malaysia Deepwater Production Contractors Sdn. Bhd., Malaysia Maritime Academy Sdn. Bhd., MISC Integrated Logistics Sdn. Bhd. and MISC Tankers Sdn. Bhd.

He is one of the representatives of PETRONAS on the Board of the Company.

Datuk Nasarudin has attended eight (8) out of ten (10) Board Meetings, one (1) Finance and Risk Management Committee Meeting, all four (4) Nomination Committee Meetings including one (1) by way of circulation, two (2) Development Committee Meetings and one (1) Annual General Meeting which were held in the financial year ended 31st December 2011.

Pengarah memenuhi keperluan yang ditetapkan di bawah Chapter 15, Bahagian B, Perenggan 15.02 pada Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama (MMLR) yang memperuntukkan satu pertiga (1/3) daripada Ahli-Ahli Lembaga Pengarah hendaklah terdiri dari Pengarah Bebas dan Artikel 109, Tataurusan Syarikat yang memperuntukkan jumlah Ahli-Ahli Lembaga Pengarah tidak melebihi sepuluh (10) orang ahli.

Komposisi Lembaga Pengarah, Bintulu Port Holdings Berhad

Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah	Pengerusi Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Tan Sri Dato Seri Hj. Mohd. Zahidi bin Zainuddin	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Fong Joo Chung	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Hashim bin Ismail	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Nasarudin bin Md Idris	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Mohamad Norza bin Zakaria	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Datu Hj. Abang Halmi bin Ikhwan	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Dato Mohammad Medan bin Abdullah	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Lembaga Pengarah terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai latar belakang profesional yang dihormati dalam pelbagai bidang, kepakaran, pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam bidang kewangan, perniagaan, minyak dan gas, undang-undang, pengurusan am dan strategi yang penting bagi kejayaan hala tuju Kumpulan. Profil ringkas setiap Ahli Lembaga Pengarah dibentangkan dalam seksyen "Profil Lembaga Pengarah" yang boleh didapati di mukasurat 34 hingga 44 pada Laporan Tahunan ini.

Kehadiran Pengarah Bebas Bukan Eksekutif memainkan peranan penting terhadap tanggungjawab korporat dalam menyediakan pendapat yang adil dan bebas, nasihat dan pertimbangan kepada strategi dan prestasi Kumpulan.

Komposisi Lembaga Pengarah mencerminkan kepentingan pemegang saham utama, di mana mereka diwakili oleh pengarah yang dilantik tanpa menjelaskan kepentingan pemegang saham minoriti. Pemegang Saham Khas adalah Menteri Kewangan (Diperbadankan) manakala Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (SFS) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) adalah merupakan pemegang saham utama Syarikat. Kedua-dua Pemegang Saham Khas dan Pemegang Saham Utama selain daripada KWAP, mempunyai pengarah yang dilantik oleh mereka di dalam Lembaga Pengarah.

Pengasingan Kuasa dan Autoriti

Terdapat pengasingan kuasa dan autoriti antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan. Lembaga Pengarah diketuai oleh Pengerusi sementara pihak Pengurusan pula diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE).

Pengerusi Bintulu Port Holdings Berhad Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah, bertanggungjawab ke atas keberkesaan dan tingkah laku Lembaga Pengarah serta memastikan semua pengarah menerima maklumat yang mencukupi tentang semua aspek kewangan, perniagaan, operasi dan perkara-perkara korporat untuk membolehkan setiap pengarah terlibat secara aktif dan berkesan dalam membuat keputusan Lembaga Pengarah.

Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Dato Mior Ahmad Baiti bin Mior Lub Ahmad bertanggungjawab secara keseluruhan ke atas urusan harian dan operasi Syarikat, kecekapan dan keberkesaan organisasi serta pelaksanaan keputusan dan polisi Lembaga Pengarah.

Pengerusi memastikan integriti dan keberkesaan Lembaga Pengarah dalam semua aspek peranan dan agendanya, serta menyediakan saluran komunikasi yang berkesan bagi Lembaga Pengarah menyatakan pandangan mengenai pengurusan Syarikat. Ketua Pegawai Eksekutif melaksanakan dasar-dasar yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan beliau bertanggungjawab melapor dan membincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah semua perkara-perkara penting dan berpotensi menjelaskan Kumpulan dan juga prestasinya, termasuk semua projek-projek strategik dan perkembangan semasa peraturan dan undang-undang.

Perlantikan dan Lantikan Semula Lembaga Pengarah

Selaras dengan *Chapter 7*, Bahagian J, Perenggan 7.26 pada Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama, semua Pengarah hendaklah bersara sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) tahun. Di samping itu, Artikel 127 Tataurusan Syarikat menetapkan bahawa sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) dari Pengarah akan bersara mengikut giliran pada setiap tahun dan layak menawarkan diri untuk dilantik semula. Lantikan semula Pengarah bagi tempoh tertentu boleh meningkatkan keberkesanan Lembaga Pengarah dan juga memberikan peluang kepada pemegang saham mengukur prestasi para pengarah.

Artikel 132 Tataurusan Syarikat memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah melantik seseorang yang bersedia menjadi pengarah bagi mengisi kekosongan tertentu dan beliau hendaklah bersara dan layak untuk dilantik semula dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) yang akan datang.

Sebarang pencalonan para pengarah baru diteliti oleh Jawatankuasa Penamaan dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Setiausaha Syarikat akan memastikan semua perlantikan dibuat secara teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Pengarah yang menawarkan diri untuk dilantik semula dalam Mesyuarat Agung Tahunan Keenam Belas (16) Syarikat selaras dengan Artikel 127 Tataurusan Syarikat dan Perenggan 7.26 pada Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama adalah seperti berikut:

- i. Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah
(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- ii. Tan Sri Dato' Sri Mohd. Zahidi bin Zainuddin
(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- iii. Datuk Fong Joo Chung
(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- iv. Datu Hj. Abang Halmi bin Ikhwan
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)

Latihan Lembaga Pengarah

Semua Ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri *Mandatory Accreditation Programme (MAP)* seperti mana ditetapkan oleh Bursa Malaysia bagi pengarah syarikat awam tersenarai. Para Pengarah sentiasa dimaklumi tentang program latihan yang ada dan telah mengambil bahagian dalam pelbagai seminar serta program latihan untuk memastikan mereka sentiasa berada dalam keadaan memahami perkembangan baru perniagaan dan meningkatkan lagi kefahaman mereka terhadap strategi pengurusan dan peraturan-peraturan baru yang sedang berkuatkuasa.

Setiausaha Syarikat menyelaras program latihan dalam organisasi dan menyimpan rekod kehadiran Pengarah bagi program-program luar organisasi.

Bagi tahun kewangan semasa, program latihan dan seminar yang dihadiri oleh Pengarah terbabit adalah seperti berikut:

Malaysian Institute of Corporate Governance: "Directors Duties & Governance 2011";

Director's Training: Economic Outlook and Implication on Financial and Banking Industries – Is Another Financial Crisis Imminent?;

Financial Institution Director's Education (FIDE) Program by Bank Negara Malaysia;

Genting Plantation Management Conference

Genting Malaysia Senior Managers' Conference

Director's Training: Directors' Duties and Responsibilities by Mah Kamariyah & Philip Koh;

Scrutinizing Financial Statement, Fraud & Detection of Red Flags for Directors and Officers of PLC's and Government Regulatory Agencies;

Malaysian Institute of Corporate Governance: "Corporate Governance Blueprint And Regulatory Updates Seminar 2011";

Corporate Governance and Boardroom Issues in Challenging Time;
Risk Management in Today's Economy;
Demystifying Directors' Duties and Their Implications under the Listing Requirements;
2-Day Corporate Directors Training Programme;
Board Composition and Diversity: Strategies, Lessons and Looking Forward;
Seminar on Competition Act 2010
Multimodal 2011: Transportation and Logistic Conference, Birmingham, UK; and
Assessing the Risk & Control Environment.

Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Bekalan Maklumat

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun iaitu pada setiap suku tahun. Setiausaha Syarikat bertanggungjawab memastikan prosedur mesyuarat Lembaga Pengarah diikuti dan keperluan berkanun yang berkaitan dipatuhi.

Sepuluh (10) Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sepanjang tahun kewangan semasa dan butir-butir kehadiran setiap Pengarah adalah seperti berikut:

Pengarah	Bilangan Mesyuarat Yang Dihadiri	Peratusan Kehadiran
Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah	10/10	100%
Tan Sri Dato Seri Hj. Mohd. Zahidi bin Zainuddin	9/10	90%
Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim	9/10	90%
Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa	6/10	60%
Datuk Fong Joo Chung	8/10	80%
Datuk Hashim bin Ismail	8/10	80%
Datuk Nasarudin bin Md Idris	8/10	80%
Dato' Mohamad Norza bin Zakaria	9/10	90%
Datu Hj. Abang Halmi bin Ikhwan	8/10	80%
Dato Mohammad Medan bin Abdullah	9/10	90%

Kesemua Pengarah telah mematuhi keperluan minima kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah sepertimana dinyatakan dalam Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama, (minima kehadiran 50% pada tahun kewangan).

Semua Pengarah mempunyai akses penuh dan tidak terbatas terhadap maklumat-maklumat syarikat. Pengurusan membekalkan Lembaga Pengarah maklumat yang berkualiti, relevan dan boleh dipercayai tepat pada masanya, analisa dan cadangan untuk membolehkan Lembaga Pengarah membuat keputusan yang bernes dan melaksanakan tugasnya dengan cekap dan berkesan.

Semua Pengarah mempunyai akses secara langsung ke atas nasihat dan perkhidmatan Pengurusan Kanan serta Setiausaha Syarikat dalam menjalankan tugas mereka. Jika perlu, para Pengarah bebas mendapatkan nasihat profesional luar dan bebas mengenai perkara-perkara yang berkaitan dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka. Kos untuk perkhidmatan profesional ini akan dibiayai oleh Syarikat.

Agenda dan kertaskerja termasuk maklumat kuantitatif dan kualitatif serta analisis akan diedarkan kepada Lembaga Pengarah sebelum mesyuarat diadakan. Masa secukupnya diberi kepada Para Pengarah untuk mendapat taklimat dan penjelasan Pengurusan sebelum membuat keputusan yang bernes.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah dibekalkan dengan maklumat-maklumat antara lain seperti berikut:

1. Laporan mengenai semua mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah termasuk perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan dan kelulusan penuh Lembaga Pengarah;
2. Belanjawan tahunan dan strategi pelaburan perniagaan;
3. Laporan prestasi kemajuan suku tahunan untuk Kumpulan, termasuk maklumat mengenai isu-isu operasi dan kewangan, industri dan strategik serta maklumat terkini;
4. Operasi utama, kewangan, teknikal, isu-isu perundangan dan peraturan;
5. Perkembangan teknologi dan maklumat terkini;
6. Laporan mengenai pengurusan risiko; dan
7. Kertas-kertas kerja mengenai perkara-perkara lain untuk perbincangan / kelulusan.

Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah termasuk keputusan dan resolusi Lembaga Pengarah direkodkan oleh Setiausaha Syarikat untuk penelitian mereka terlebih dahulu sebelum pengesahan pada mesyuarat berikutnya. Setiausaha Syarikat juga akan menasihati para Pengarah dan bertanggungjawab dalam memastikan prosedur Mesyuarat Lembaga Pengarah dan peraturan berkaitan dipatuhi.

Ganjaran Pengarah

Ganjaran para Pengarah adalah berdasarkan peranan dan tanggungjawab, pengalaman, amalan pasaran umum dan prestasi keseluruhan Syarikat. Cadangan-cadangan ganjaran telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Ganjaran dan Lembaga Pengarah untuk perbincangan dan pertimbangan sebelum kelulusan akhir pemegang saham semasa Mesyuarat Agung Tahunan.

Yuran Pengarah akan dibayar kepada para Pengarah selepas kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan selaras dengan Artikel 110 (1) Tataurusan Syarikat.

Maklumat berkenaan ganjaran setiap Pengarah bagi tahun kewangan semasa dinyatakan seperti di bawah:

Kategori	Yuran	Elaun Mesyuarat	(RM'000)	Manfaat Barang	Jumlah
				Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	
Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah (Chairman)	120	17.5	-	137.5	
Tan Sri Dato Seri Hj. Mohd. Zahidi bin Zainuddin	84	24.5	-	108.5	
Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa	84	15.5	-	99.5	
Datuk Fong Joo Chung	84	19.5	-	103.5	
Datuk Nasarudin bin Md Idris	84	19.5	-	103.5	
Dato Mohammad Medan bin Abdullah	84	17.5	-	101.5	
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif					
Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim	84	20.5	-	104.5	
Datuk Hashim bin Ismail	84	22.5	-	106.5	
Dato' Mohamad Norza bin Zakaria	84	21.5	-	105.5	
Datu Hj. Abang Halmi bin Ikhwan	84	16.5	-	100.5	
Jumlah	876	195	-		1,175.5

PEMEGANG SAHAM & PELABUR

Hubungan Komunikasi dengan Pemegang Saham dan Pelabur

Lembaga Pengarah berpegang teguh dengan kepentingan ketelusan dan akauntabiliti kepada pemegang saham dan pelabur Syarikat. Komunikasi dengan pemegang saham dan pelabur mengenai prestasi dan perkembangan utama Syarikat kerap diadakan. Lembaga Pengarah memastikan pengeluaran Laporan Tahunan dibuat tepat pada masanya, Laporan Kewangan Suku Tahunan dan jika bersesuaian, pengeluaran berita di akhbar dan pekeliling diedarkan kepada pemegang saham. Dialog dan taklimat serta sesi perjumpaan adalah antara saluran komunikasi lain dengan pelabur, pemegang saham dan penganalisa syarikat.

a. Pengumuman Laporan Kewangan Suku Tahun

Butir-butir mengenai pengumuman Laporan Kewangan Suku Tahun kepada Bursa Malaysia adalah seperti berikut:

	Tarikh Penerbitan/ Edaran	Jumlah Hari Selepas Akhir Tahun/ Suku Tahun	Tarikh Akhir Bursa Malaysia
Suku Tahun Pertama	26 Mei 2011	56	31 Mei 2011
Suku Tahun Kedua	25 Ogos 2011	56	30 Ogos 2011
Suku Tahun Ketiga	24 November 2011	55	30 November 2011
Suku Tahun Keempat	28 Februari 2012	59	29 Februari 2012

b. Sesi Perjumpaan

Butir-butir Sesi Perjumpaan dengan para pelabur dan penganalisa syarikat adalah seperti berikut:

Organisasi	Tempat	Tarikh
KAF-Seagroatt & Campbell Securities Sdn Bhd dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Hotel Marriott, Putrajaya	29 September 2011
AmResearch Sdn Bhd	Hotel Pullman, Kuching	5 Oktober 2011
KAF-Seagroatt & Campbell Securities Sdn Bhd dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Bintulu Port Holdings Berhad, Sarawak	6 Disember 2011

Alamat Perhubungan

Pegawai yang boleh dihubungi bagi Perhubungan Pelabur Kumpulan adalah seperti berikut:

Ketua Pegawai Eksekutif
Bintulu Port Holdings Berhad
Tel: + 60 86 291001 (samb. 300)
Faks: + 60 86 253597

Setiausaha Syarikat
Bintulu Port Holdings Berhad
Tel: + 60 86 291001 (samb. 257) / 251090 (Talian Terus)
Faks: + 60 86 254062

Maklumat semasa mengenai Kumpulan juga boleh diakses melalui laman web Syarikat di <http://www.bintuluport.com.my>. Pemegang saham dan pelabur juga boleh mengakses maklumat korporat terkini, maklumat kewangan dan pasaran Syarikat melalui laman web Bursa Malaysia di <http://www.bursamalaysia.com>.

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM)

Mesyuarat Agung Tahunan sebagai forum utama untuk dialog dengan pemegang saham di mana mereka boleh mendapatkan penjelasan mengenai perniagaan dan prospek Syarikat. Pemberitahuan Mesyuarat Agung Tahunan akan diedarkan secara rasmi kepada para pemegang saham sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari lebih awal selaras dengan Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama.

Semasa Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah mengambil kesempatan memberi ulasan yang menyeluruh mengenai kemajuan dan prestasi Kumpulan kepada pemegang saham. Pemegang saham diberi peluang mendapatkan penjelasan atau mengemukakan soalan mengenai agenda mesyuarat agung, di mana Lembaga Pengarah akan memberi maklumbalas sewajarnya. Bagi mana-mana urusan khas, penjelasan dimasukkan dalam Notis Mesyuarat bagi membolehkan para pemegang saham memahami dan menilai resolusi yang dikemukakan.

Sidang akbar akan segera diadakan pada akhir setiap Mesyuarat Agung Tahunan, di mana Pengerusi memaklumkan resolusi yang diluluskan dan menjawab soalan dari media yang berkaitan dengan urusan perniagaan Syarikat.

AUDIT DAN AKAUNTABILITI

Laporan Kewangan

Setiap kali Syarikat mengeluarkan penyata kewangan tahunan dan suku tahunan kepada para pemegang saham dan pihak berkuasa, Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab dan komited dalam menyampaikan penilaian yang jelas, seimbang dan menyeluruh berkenaan dengan kedudukan kewangan, prestasi dan prospek Kumpulan. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab memastikan bahawa Penyata Kewangan mencerminkan gambaran yang benar dan saksama mengenai urusan–urusan Syarikat, demi mematuhi

Seksyen 169 (15) pada Akta Syarikat 1965. Pengeluaran penyata kewangan suku tahunan yang tepat pada masanya mencerminkan komitmen Lembaga Pengarah memberi pendedahan ke atas prestasi Syarikat dengan telus dan terkini.

Jawatankuasa Audit membantu Lembaga Pengarah meneliti maklumat untuk memastikan pendedahan yang mencukupi telah dibuat dalam laporan-laporan berkenaan dan mengekalkan kualiti keseluruhan laporan kewangan Kumpulan. Ia juga mengkaji kesesuaian dasar-dasar perakaunan Syarikat dan Kumpulan dan perubahan dasar-dasar serta memastikan penyata kewangan mematuhi keperluan perakaunan dan peraturan. Penyata kewangan tersebut digabungkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Chapter 9, Bahagian K, Perenggan 9.24 pada Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama.

Selaras dengan Seksyen 169 (16) Akta Syarikat 1965, pengakuan ke atas ketepatan penyata kewangan yang disertakan di dalam Laporan Tahunan dibuat oleh pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Syarikat yang juga merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Ini adalah untuk memenuhi keperluan Chapter 9, Bahagian K, Perenggan 9.27 (a) pada Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama.

Jawatankuasa Audit telah mengadakan sesi berasingan tanpa kehadiran Pengurusan dengan Juruaudit Luar untuk memastikan ketepatan dan kecekapan Keputusan Kewangan dan lain-lain perkara yang penting untuk dizahirkan.

Penyata Para Pengarah yang selaras dengan Seksyen 169 (15) Akta Syarikat 1965 boleh didapati di mukasurat 191 pada Laporan Tahunan ini.

Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah mengakui tanggungjawab keseluruhannya mengekalkan sistem kawalan dalaman dan rangka kerja pengurusan risiko yang tersusun untuk melindungi pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan. Hasil rundingan bersama pihak pengurusan, Lembaga Pengarah telah mewujudkan satu proses yang berterusan bagi mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko-risiko penting perniagaan, atau berpotensi kepada pendedahan, yang mungkin dihadapi oleh Kumpulan dalam mencapai objektif perniagaan. Jawatankuasa Audit bertanggungjawab menyelia keberkesanan sistem kawalan dalam Kumpulan dan menilainya semasa mesyuarat suku tahunan.

Dalam mematuhi Pematuhan kepada *Chapter 15*, Bahagian F, Perenggan 15.26 (b) pada Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama, laporan mengenai kawalan dalam Kumpulan dibentangkan dalam Penyata Berkaitan Kawalan Dalaman yang boleh didapati di mukasurat 66 hingga 69 pada Laporan Tahunan ini.

Ketelusan Operasi

Dalam menjalankan perniagaan, Kumpulan telah mewujudkan Prosedur Operasi *Standard* bagi meningkatkan ketelusan operasi. Prosedur tersebut digunakan sebagai garis panduan dalam menjalankan aktiviti harian perniagaan. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut:

1. Proses tender yang sistematik - Pengurusan sedang dalam proses melaksanakan Sistem E-Perolehan untuk meningkatkan proses perolehan;
2. Piagam Pelanggan – Syarikat telah menetapkan komitmen ini sebagai satu kaedah akujanji dalam melayan pelanggan;
3. Kajian Kepuasan Pelanggan – Kaedah untuk mengenalpasti tahap kepuasan pelanggan bagi meningkatkan perkhidmatan;
4. Kajian Kepuasan Pekerja – Kaedah untuk mengenalpasti tahap kepuasan pekerja bagi meningkatkan produktiviti dan kemahiran; dan
5. Pengauditan Dalaman untuk Kualiti dan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar - Bagi memastikan adanya pematuhan kepada semua dasar dan prosedur.

Hubungan dengan Juruaudit

Hubungan secara rasmi, telus dan wajar telah diwujudkan antara Lembaga Pengarah dengan Juruaudit Luar Kumpulan. Kumpulan juga sentiasa mengekalkan hubungan yang rapat dan telus dengan Juruaudit Dalaman dan Juruaudit Luar terutamanya melalui Jawatankuasa Audit untuk mendapatkan nasihat profesional dan memastikan pematuhan kepada piawaian perakaunan yang relevan dan Prosedur Operasi *Standard*.

Maklumat lanjut berkenaan dengan komposisi dan Terma Rujukan Jawatankuasa Audit boleh didapati dalam Laporan Jawatankuasa Audit di mukasurat 79 hingga 81 pada Laporan Tahunan ini.

Akta Persaingan 2010

Dengan penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 pada 1 Januari 2012, Syarikat akan mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan pematuhan ke atas Akta tersebut.

MAKLUMAT PEMATUHAN TAMBAHAN

Maklumat yang dibentangkan di bawah ini dizahirkan bagi mematuhi syarat penyenaraian pada Chapter 9, Perenggan 9.25 dan 9.41 pada Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama.

Penggunaan Dana

Dana Terbitan Awam Awal (IPO) telah digunakan sepenuhnya dan tidak ada aktiviti pengumpulan modal dijalankan oleh Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

Urusniaga Berulang Pihak Berkaitan Jenis Hasil

Sepertimana keperluan Kehendak-kehendak Penyenaraian Pasaran Utama, transaksi urusniaga berulang pihak berkaitan jenis hasil hendaklah dizahirkan dalam Laporan Tahunan. Bagi tahun 2011, tiada urusniaga berulang pihak berkaitan baru yang terlibat dengan Kumpulan melainkan yang sedia ada iaitu Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (SFS) dan Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS). Urusniaga yang terlibat adalah urusniaga dalam keadaan biasa dan tidak menguntungkan pihak berkaitan berbanding dengan yang boleh didapati oleh pihak awam secara umumnya. Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan atau barang yang dibeli adalah berdasarkan harga tetap yang tidak boleh dirunding dan diterbitkan atau disebut harga secara umum dan semua termasuk harga atau caj dikenakan secara konsisten ke atas semua pelanggan atau kelas pelanggan.

Yuran Bukan Audit

Keperluan untuk menzahirkan yuran bukan audit diperuntukan dalam Chapter 9, Perkara (18) Appendix 9C Kehendak-kehendak Penyenaraian Pasaran Utama. Dengan itu, yuran bukan audit yang dibayar oleh Kumpulan kepada Juruaudit Luar bagi meneliti Penyata Berkaitan Kawalan Dalaman bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 adalah sebanyak **RM7,000.00** sahaja.

Kontrak Utama

Lembaga Pengarah mengesahkan bahawa tidak terdapat sebarang kontrak utama dimeterai oleh Syarikat dan subsidiarinya yang melibatkan kepentingan Para Pengarah dan pemegang saham utama yang sedang berlangsung pada penghujung tahun 2011.

Pengenaan Hukuman / Penalti

Tidak terdapat sebarang hukuman / penalti yang dikenakan terhadap Syarikat, subsidiarinya, Lembaga Pengarah dan Pengurusan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

Butiran Kehadiran Mesyuarat yang diadakan dalam Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2011

Untuk butiran kehadiran, sila rujuk di mukasurat 57 pada Penyata ini.

Penyata Ke Atas Pematuhan

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, Kumpulan telah mematuhi dan memelihara kepentingan peruntukan Kod Urustadbir Korporat Malaysia, Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Penyata ini dibuat selaras dengan Resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 28 Februari 2012.

Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah
Pengerusi

Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim
Pengarah Bebas

STATEMENT ON INTERNAL CONTROL

(Pursuant to Chapter 15, Part E, Para 15.26 (b)
of the Main Market Listing Requirements)

INTRODUCTION

The Malaysian Code on Corporate Governance (the Code) requires the Board of Directors (the Board) to maintain a sound system of internal control to safeguard shareholders' investments and the Group's assets. Pursuant to Paragraph 15.26 (b) of Main Market Listing Requirements (MMLR), the Board is pleased to present the Statement on Internal Control which outlines the nature and scope of internal control of the Group during the financial year ended 31st December 2011.

BOARD'S RESPONSIBILITY

The Board acknowledges its overall responsibility to ensure the Group wide system of internal control and its effectiveness, as well as reviewing its adequacy and integrity. The Board has in place an on-going process of identifying, evaluating, monitoring and managing significant risks that may affect the achievement of business objectives of the Group. The system covers wide-range of area of governance, risk management, financial, organisational, operational and compliance controls.

The system of internal control is designed to manage risks that may impede the achievement of the Group's business objectives rather than to eliminate these risks. In any systems of internal control, the systems can only provide reasonable and not absolute assurance against material mis-statement or loss. Therefore, the Board has put in place the following processes to provide certain degree of assurance to further strengthen the Board's control on the Group:

- The Group performs comprehensive budgeting and forecasting exercise. The actual performance against the budget are analysed and reported on a quarterly basis to the Board. Corrective actions are then taken in a timely manner.
- Upon joining the Company, all staff receive the Code of Conduct as important guidelines where they are required to adhere strictly in order to assure the employees are competent and well trained to carry out their responsibilities. All employees have a responsibility towards maintaining a sound internal control system as part of their accountability in achieving the Group's overall objectives.
- The Customer Charter is significant to the Group in order to scrutinize the operational efficiency and performances in accomplishing customers' satisfaction. The Management is committed to ensure strict adherence of Customer Charter by all levels of operation.
- In recognition of its sound management systems, the Group through its subsidiaries has successfully managed to secure accreditations from various bodies and agencies as follows:
 1. Certified Quality Management System on Provision of Port Services (ISO 9001:2008) by Lloyds Registered Quality Assurance (LRQA);
 2. Quality Management System on Handling and Storage of Edible Oil Products, Sludge and Edible Oil Based Feed Materials (ISO 9001:2008) by Lloyds Registered Quality Assurance (LRQA);
 3. HACCP Feed Safety Management System for the Cargo Handlings Services by Lloyds Registered Quality Assurance (LRQA);
 4. HACCP Codex Alimentarius Annex (2009) System for Handling and Storage of Edible Oil Products by Lloyds Registered Quality Assurance (LRQA);
 5. GMP+B3 (for the trade, collection and storage & transhipment of feeds [fixed scope] and handling of palm kernel related products [free scope]) by Lloyds Registered Quality Assurance (LRQA);
 6. GMP+B3 (2007): Trade, Collection and Storage & Transhipment of feed (Storage of Palm Fatty Acid Distillate and Palm Kernel Fatty Acid Distillate for Third Party) by Lloyds Registered Quality Assurance (LRQA);
 7. Safety and Environmental Accreditation (ISO 14001, OHSAS 18001 & MS 1722) by Bureau Veritas Certification (M) Sdn. Bhd.;

8. International Safety Award with Merit from the British Safety Council, United Kingdom (for its commitment to health and employees well-being); and
9. International Ship and Port Facility Security Code (ISPS) Port's Compliance by the Marine Department Malaysia.

KEY INTERNAL CONTROL

The Board makes continuous efforts to improve the policies, processes and structure relating to internal control, and ensure that the people tasked with the responsibilities are competent and well trained. This continual improvement enhances Management's ability to monitor the existing risks and by taking into consideration the changes in the risk profile of the industry and the Group, helps to anticipate and manage potential risks.

In order to safeguard the interest of the Group, the Board is supported by a number of established Board Committees with a clearly defined Terms of Reference to support the execution of its responsibilities as follows:

1. **Audit Committee** to oversee the overall functions of the Internal Audit Department, regularly review and hold discussions with the Management on the actions taken relating to the internal control system as well as issues identified by the Internal and External Auditors.
2. **Nomination Committee** to recommend to the Board any nomination, re-election and composition of the Board. The Committee is also responsible to recommend the appointment of the Chief Executive Officer and Senior Management as well as reviewing Human Resources Policies of the Group.
3. **Remuneration Committee** to recommend to the Board remuneration packages in regard to the Directors, Chief Executive Officer and the Senior Management.
4. **Finance and Risks Management Committee** to oversee the Group's business in respect of the financial affairs, budget, planning, financial risks and control, investment and development proposals and recommendations for the Board's approval. The Committee is equally accountable for the progress of action plans to manage and mitigate the risks.
5. **Development Committee** to appoint and assist the team for special project development. The committee is also responsible for monitoring the implementation of the said projects.

6. Other Committees

In addition, there are other committees established at the subsidiaries level to support the execution of various Companies' programmes and activities as follows:

- a. **Tender Committees** at the respective subsidiaries are established to ensure that all tender administration and contract management are being carried out in accordance with the approved policies and procedures. The Committee shall ensure that tender evaluation exercises are conducted in an effective, transparent and fair manner based on guided principles of accountability to the shareholders, published policy and procedures and value for money. The approving authority differs according to the tender value from Chief Executive Officer to the Board of the subsidiaries and the Board of the holding company.
- b. **Other Ad-hoc Committees** such as Steering Committee for Strategic Plan, Recruitment Committee, Inquiry Committee etc for development of the Company's 5 years plan and its direction, recruitment of staff and to identify the cause of accident and suggested preventive measures respective.

Primary Contact

The primary contact pertaining to Internal Control of the Group are as follows:

Chief Executive Officer

Bintulu Port Holdings Berhad
Tel: + 60 86 291001 (ext. 300)
Fax: + 60 86 253597

The Head of Internal Audit

Bintulu Port Holdings Berhad
Tel: + 60 86 291001 (ext. 380) / 251380 (Direct Line)
Fax: + 60 86 291617

Further details on the Groups' Board Committees are set out on page 70 to 72 of this Annual Report.

Enterprise Risk Management

The Board regards risk management as an integral part of the Group's business operations. It is to assist the Board to identify, analyse, measure, monitor and control on the significant risks that may affect the achievement of its business objectives. The systems are to be monitored, reviewed and managed regularly by the Audit Committee and the Finance and Risk Management Committee.

The risk management process provides opportunities for discussion and debate, and the outcome includes a risk map which plots each risk on an impact and likelihood scale in order for management to prioritise action plans. The Management is reviewing the existing corporate risk profiles for the Company and its subsidiaries in order to enhance and strengthen the risk management system of the Company.

The Professionalism and Competence of Staff

The Group has a clear objectives and plans which have been communicated to provide effective direction to the staff. Training and development programmes are identified and scheduled for employees to acquire the necessary knowledge and competency to meet their job expectations.

In addition, the Group has adopted professional and efficient measures in the following areas:

- Recruitment Process;
- Performance Appraisal System;
- Key Performance Indicators;
- Staff Development Programmes; and
- Inculcating positive values and organisational cultures.

CONTROL ENVIRONMENT AND STRUCTURE

The key elements of the Group's control environment include:

1. Organisation Structure

The organisation structure sets out clear segregation of roles and responsibilities, lines of accountability and levels of authorities to ensure effective and independent stewardship. Management is responsible for implementing the Group's strategies and day-to-day businesses.

2. Internal Audit

The Internal Audit Department continues to independently review key processes, monitor compliance with policies and procedures, evaluate the adequacy and effectiveness of internal control and risk management systems and highlight significant findings and corrective measures in respect of any non-compliance on a timely basis. The Audit Committee oversees the Internal Audit department's function, its independence, scope of work and resources. The Internal Audit Department maintains quality assurance and improvement programmes while the Audit Committee continuously monitoring its overall effectiveness.

3. Legal

The Legal Division plays a role in advising the Board and management on all legal matters. It also plays a pivotal role in ensuring that the interests of the Group are legally preserved and safeguarded. The Board is regularly updated through reports as and when there are any new introduction, changes and development of the law.

4. Policies and Procedures

There are documentation of policies, procedures and guidelines in manuals and on the Group's Intranet including those relating to Financial, Procurement and Contract Management, Human Resources and Information Technology System. Continuous efforts are made to enhance the Group's control mechanism in line with the Group's new and growing business strategy.

5. Financial and Operational Information

Financial, operational and safety performance reports of the Company are produced on a monthly basis. These periodic reports are presented to the respective Board or Management Committees to enable them to gauge the Group's overall performance.

6. The Board Commitment

The Board recognises that the Group operates in a dynamic business environment. The Board is fully committed towards reviewing and improving the systems of internal control in line with changes in the business environment in ensuring the Company meets its business objectives.

REVIEW OF THE STATEMENT BY INTERNAL AND EXTERNAL AUDITORS

For the financial year under review and up to the date of issuance of the financial statements, the Board is satisfied with the adequacy, integrity and effectiveness of the Group's system of Internal Control. This Statement of Internal Control had been reviewed and affirmed by the Internal Auditors as well as the External Auditors for inclusion in the Annual Report of the Group for the financial year ended 31st December 2011 in accordance with Paragraph 15.26(b) of the Main Market Listing Requirements.

Statement made in accordance with the Board's Resolution dated the 28th February, 2012.

Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah
Chairman

Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim
Independent Director

PENYATA BERKAITAN KAWALAN DALAMAN

(Selaras dengan Chapter 15, Part E, Perenggan 15.26 (b) pada Kehendak-kehendak Penyenaraian Pasaran Utama)

PENGENALAN

Kod Urustadbir Korporat Malaysia (Kod) memerlukan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah (Lembaga Pengarah) mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk menjaga pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan. Selaras dengan Perenggan 15.26 (b) pada Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Penyata Berkaitan Kawalan Dalaman yang menggariskan sifat dan skop kawalan dalaman Kumpulan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah mengakui tanggungjawab keseluruhannya adalah memastikan sistem kawalan dalaman meluas untuk Kumpulan serta keberkesanannya, di samping mengkaji semula kesesuaian dan integritinya. Lembaga Pengarah menetapkan proses berterusan bagi mengenalpasti, menilai, memantau dan mengurus risiko penting yang mungkin menjelaskan pencapaian objektif perniagaan Kumpulan. Sistem ini mencakupi aspek urustadbir secara meluas, pengurusan risiko, kewangan, organisasi, operasi dan kawalan pematuhan.

Sistem kawalan dalaman direka untuk mengurus risiko-risiko yang mungkin menghalang pencapaian objektif perniagaan Kumpulan dan bukannya untuk menghapuskan risiko-risiko tersebut. Dalam mana-mana sistem kawalan dalaman, sistem hanya mampu memberi jaminan yang munasabah dan bukan mutlak terhadap sebarang salah kenyataan atau kerugian. Oleh itu, Lembaga Pengarah telah memasukkan proses-proses berikut untuk memberi jaminan tertentu dalam mengukuhkan lagi kawalan Lembaga Pengarah ke atas Kumpulan:

- Kumpulan melaksanakan belanjawan dan unjuran yang komprehensif. Prestasi sebenar berbanding dengan bajet dianalisa dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah pada setiap suku tahun. Tindakan pembetulan akan diambil tepat pada waktunya.
- Sebaik sahaja menyertai Syarikat, semua staf akan menerima Kod Etika sebagai garis panduan penting yang perlu dipatuhi sepenuhnya dalam usaha memastikan staf terabit cekap dan terlatih dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Kesemua pekerja mempunyai tanggungjawab mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh sebagai sebahagian daripada akauntabiliti mereka dalam mencapai objektif Kumpulan secara keseluruhan.
- Piagam Pelanggan adalah penting kepada Kumpulan sebagai usaha meneliti kecekapan operasi dan prestasi dalam mencapai kepuasan pelanggan. Pengurusan komited memastikan pematuhan yang ketat pada Piagam Pelanggan oleh semua peringkat operasi.
- Sebagai pengiktirafan kepada sistem pengurusan yang mantap, Kumpulan melalui syarikat subsidiarinya telah berjaya memperolehi akreditasi daripada badan-badan dan agensi seperti berikut:
 1. *Certified Quality Management System on Provision of Port Services (ISO 9001:2008)* daripada *Lloyds Registered Quality Assurance (LRQA)*;
 2. *Quality Management System on Handling and Storage of Edible Oil Products, Sludge and Edible Oil Based Feed Materials (ISO 9001:2008)* daripada *Lloyds Registered Quality Assurance (LRQA)*;
 3. *HACCP Feed Safety Management System for the Cargo Handlings Services* daripada *Lloyds Registered Quality Assurance (LRQA)*;
 4. *HACCP Codex Alimentarius Annex (2009) System for Handling and Storage of Edible Oil Products* daripada *Lloyds Registered Quality Assurance (LRQA)*;
 5. *GMP+B3 (for the trade, collection and storage & transhipment of feeds [fixed scope] and handling of palm kernel related products [free scope])* daripada *Lloyds Registered Quality Assurance (LRQA)*;
 6. *GMP+B3 (2007): Trade, Collection and Storage & Transhipment of feed (Storage of Palm Fatty Acid Distillate and Palm Kernel Fatty Acid Distillate for Third Party)* daripada *Lloyds Registered Quality Assurance (LRQA)*;

7. *Safety and Environmental Accreditation (ISO 14001, OHSAS 18001 & MS 1722) daripada Bureau Veritas Certification (M) Sdn.Bhd.;*
8. *International Safety Award with Merit daripada The British Safety Council, United Kingdom (untuk komitmen terhadap kesihatan dan kebajikan pekerja); dan*
9. *International Ship and Port Facility Security Code (ISPS) Port's Compliance daripada Jabatan Laut Malaysia.*

KUNCI KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah secara berterusan berusaha menambahbaik polisi, proses-proses dan struktur yang berkaitan dengan kawalan dalaman dan memastikan bahawa kakitangan yang ditugaskan dengan tanggungjawab tersebut cekap dan terlatih. Penambahbaikan berterusan ini meningkatkan keupayaan Pengurusan memantau risiko yang sedia ada dengan mengambil kira perubahan dalam profil risiko industri dan Kumpulan, juga membantu untuk menjangka dan mengurus potensi risiko.

Untuk melindungi kepentingan Kumpulan, Lembaga Pengarah menubuhkan beberapa Jawatankuasa Lembaga yang jelas Terma Rujukannya untuk membantu pelaksanaan tanggungjawabnya seperti berikut:

1. **Jawatankuasa Audit** untuk menyelia keseluruhan fungsi Jabatan Audit Dalam, sentiasa meneliti dan mengadakan perbincangan dengan pihak Pengurusan mengenai tindakan yang perlu diambil berkaitan dengan sistem kawalan dalaman serta isu-isu yang dikenal pasti oleh Juruaudit Dalam dan Juruaudit Luar.
2. **Jawatankuasa Penamaan** mencadangkan kepada Lembaga Pengarah sebarang pencalonan, pemilihan semula dan komposisi Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab mengesyorkan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Kanan serta mengkaji semula Polisi Sumber Manusia untuk Kumpulan.
3. **Jawatankuasa Ganjaran** mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah pakej ganjaran yang berkenaan dengan para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Kanan.
4. **Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Risiko** menyelia perniagaan Kumpulan melalui hal ehwal kewangan, bajet, perancangan, risiko kewangan dan kawalan, cadangan pembangunan serta perakuan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini sama-sama bertanggungjawab ke atas kemajuan pelan pelaburan dan tindakan dalam mengurus dan mengurangkan risiko.
5. **Jawatankuasa Pembangunan** melantik dan membantu pasukan khas projek pembangunan. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab memantau pelaksanaan projek-projek yang berkenaan.
6. **Lain-lain Jawatankuasa**

Di samping itu, terdapat lain-lain jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat syarikat subsidiari untuk menyokong pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti Syarikat seperti berikut:

- a. **Jawatankuasa Tender** ditubuhkan di peringkat syarikat subsidiari masing-masingnya untuk memastikan semua pentadbiran tender dan pengurusan kontrak dilaksanakan selaras dengan polisi dan prosedur yang diluluskan. Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa penilaian tender dijalankan dengan cara yang berkesan, telus dan adil berdasarkan prinsip akauntabiliti kepada pemegang saham, polisi dan prosedur yang telah diterbitkan serta bernilai untuk wang ringgit. Pihak Berkuasa Melulus adalah berbeza mengikut nilai tender mulai dari Ketua Pegawai Eksekutif kepada Lembaga Pengarah syarikat subsidiari dan Lembaga Pengarah syarikat induk.
- b. **Lain-lain Jawatankuasa** seperti Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik, Jawatankuasa Pengambilan, Jawatankuasa Siasatan dan lain-lain masing-masing untuk merangka rancangan 5 tahun Syarikat dan hala tujuanya, urusan pengambilan staf serta mengenalpasti punca kemalangan dan sebagainya.

Alamat Perhubungan

Pegawai perhubungan utama berkaitan dengan Kawalan Dalaman Kumpulan adalah seperti berikut:

Ketua Pegawai Eksekutif

Bintulu Port Holdings Berhad
Tel: + 60 86 291001 (samb. 300)
Faks: + 60 86 253597

Ketua, Jabatan Audit Dalam

Bintulu Port Holdings Berhad
Tel: + 60 86 291001 (samb. 380) / 251380 (Talian Terus)
Faks: + 60 86 291617

Maklumat lanjut mengenai Jawatankuasa Lembaga Pengarah Kumpulan dibentangkan di mukasurat 73 hingga 75 pada Laporan Tahunan ini.

Pengurusan Risiko Enterprais

Lembaga Pengarah menerima pengurusan risiko sebagai satu bahagian yang amat penting dalam menjalankan operasi perniagaan Kumpulan. Ia membantu Lembaga Pengarah mengenal pasti, menganalisa, mengukur, memantau dan mengawal risiko-risiko penting yang mungkin menjelaskan pencapaian objektif perniagaannya. Sistem ini dipantau, dikaji semula dan diuruskan secara berkala oleh Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Risiko.

Proses pengurusan risiko memberi peluang untuk perbincangan dan perbahasan, dan hasilnya adalah termasuk peta risiko yang membentuk setiap risiko ke atas kesan dan skala kemungkinan bagi membolehkan pengurusan memberi keutamaan kepada pelan tindakan. Pengurusan sedang mengkaji profil risiko korporat sedia ada bagi Syarikat dan subsidiarinya untuk meningkat dan memperkuatkannya lagi sistem pengurusan risiko Syarikat.

Profesionalisma dan Kecekapan Kakitangan

Kumpulan mempunyai objektif dan rancangan yang jelas dan disampaikan kepada kakitangan supaya mendapat gambaran hala tuju yang berkesan. Program latihan dan pembangunan dikenalpasti dan dijadualkan untuk staf bagi memperolehi pengetahuan dan kecekapan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan pekerjaan mereka.

Di samping itu, Kumpulan telah menerima pakai langkah-langkah yang profesional dan cekap dalam bidang-bidang berikut:

- Proses Pengambilan Pekerjaan;
- Sistem Penilaian Prestasi;
- Petunjuk Prestasi Utama (KPI);
- Program Pembangunan Kakitangan;
- Penerapan nilai-nilai positif dan budaya organisasi.

KAWALAN PERSEKITARAN DAN STRUKTUR

Unsur-unsur penting dalam kawalan persekitaran Kumpulan termasuk:

1. Struktur Organisasi

Struktur organisasi menggariskan pengasingan yang jelas tentang peranan dan tanggungjawab, garisan akauntabiliti dan peringkat pihak berkuasa untuk memastikan pengawasan yang bebas dan berkesan. Pengurusan adalah bertanggungjawab melaksanakan strategi Kumpulan dan perniagaan harian.

2. Audit Dalam

Jabatan Audit Dalam terus secara bebas mengkaji proses-proses utama, memantau pematuhan kepada polisi dan prosedur, menilai kesesuaian dan keberkesanannya kawalan dalaman dan sistem pengurusan risiko serta dan mengetengahkan penemuan penting dan tindakan penambahbaikan ke atas sebarang ketidakpatuhan tepat pada masanya. Jawatankuasa Audit menyelia fungsi Jabatan Audit Dalam, kebebasannya, skop kerja dan juga sumber. Jabatan Audit Dalam mengekalkan jaminan kualiti dan program penambahbaikan manakala Jawatankuasa Audit memantau keberkesanannya secara berterusan.

3. Perundangan

Bahagian Undang-Undang memainkan peranan dalam menasihati Lembaga Pengarah dan Pengurusan ke atas semua perkara berkaitan perundangan. Ia juga memainkan peranan dalam memastikan kepentingan Kumpulan dari segi perundangan dipelihara dan dilindungi. Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumi apabila terdapat sebarang perundangan baru, perubahan dan perkembangan ke atas Undang-Undang.

4. Polisi dan Prosidur

Polisi, prosedur dan garis panduan berbentuk manual telah didokumenkan di dalam Intranet Kumpulan termasuk yang berkaitan dengan Kewangan, Perolehan dan Pengurusan Kontrak, Sumber Manusia dan Sistem Teknologi Maklumat. Usaha berterusan sedang dilaksanakan bagi meningkatkan mekanisma kawalan Kumpulan selaras dengan strategi perniagaan Kumpulan yang baru dan berkembang.

5. Maklumat Kewangan dan Operasi

Laporan prestasi kewangan, operasi dan keselamatan Syarikat dikeluarkan secara bulanan. Laporan berkala ini dibentangkan kepada Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Pengurusan untuk membolehkan mereka mengukur prestasi keseluruhan Kumpulan.

6. Komitmen Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mengakui bahawa Kumpulan beroperasi dalam persekitaran perniagaan yang dinamik. Lembaga Pengarah komited sepenuhnya dalam mengkaji dan memperbaiki sistem kawalan dalam selaras dengan perubahan persekitaran perniagaan dalam memastikan Syarikat memenuhi objektif perniagaannya.

PENELITIAN KE ATAS PENYATA KAWALAN DALAMAN OLEH JURUAUDIT DALAM DAN JURUAUDIT LUAR

Bagi tahun kewangan semasa dan sehingga tarikh pengeluaran penyata kewangan, Lembaga Pengarah berpuas hati dengan kesesuaian, integriti dan keberkesanan sistem Kawalan Dalaman Kumpulan. Penyata Kawalan Dalaman ini telah diteliti dan disahkan oleh Juruaudit Dalam dan Juruaudit Luar untuk dimasukkan dalam Laporan Tahunan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 selaras dengan Perenggan 15.26 (b) pada Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama.

Pernyataan yang dibuat selaras dengan Resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 28 Februari, 2012.

Tan Sri Dato Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah
Pengerusi

Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hashim
Pengarah Bebas

BOARD COMMITTEES REPORT

The Board of Bintulu Port Holdings Berhad had set up five (5) committees to assist the Board in decision-making and to protect the interest of the Company. The Committees are namely, the Audit Committee, Nomination Committee, Remuneration Committee, Finance & Risk Management Committee and Development Committee.

The respective Committees had established their own terms of reference whereby they are empowered to deliberate, discuss issues, recommend proposals as well as provides assurance through their recommendations and feedbacks to the Board. The confirmed minutes of the committees shall then be circulated to all Board members in order to give opportunity to non-committee members to seek any clarifications, raise any queries or views on the matters discussed.

The Committees comprise of members from the main Board itself. Three (3) of the committees namely Audit Committee, Nomination Committee and Remuneration Committee are chaired by the Independent Non-Executive Directors whilst Finance and Risk Management Committee and Development Committee are headed by Non-Independent Non-Executive Directors.

AUDIT COMMITTEE

The details of the Audit Committee's composition, roles, responsibilities, activities and number of meetings held during the financial year are set out in page 76 to 78 of this Annual Report.

NOMINATION COMMITTEE

To recommend to the Board, candidates for all directorships, the appointment and re-election of Directors, review of skills, experience and other qualities including the core competencies of all directors. The Committee also assesses the effectiveness of the Board and contribution of each individual director. The proposal for the appointment of the Chief Executive Officer as well as Senior Management and renewal of their appointments have to be scrutinised by the Committee prior to the Board's approval.

Key activities of the Nomination Committee during financial year 2011 include the followings:

1. Re-election of directors; and
2. Review and recommend the appointment of the Group Chief Executive Officer and Senior Managers of the subsidiaries.

There were four (4) meetings including one (1) by way of circulation and discussion held for the financial year 2011 are as follows:

Composition	Meeting Attendance	Attendance Percentage
Datu Hj. Abang Halmi bin Ikhwan (Chairman) Independent Non-Executive Director	4/4	100%
Sebelum 1 Januari 2011, kos pengerukan dicaj kepada perbelanjaan apabila iaanya berlaku. IC 12 memerlukan bahawa jika pengendali mempunyai obligasi berkontrak untuk mengekalkan infrastruktur ke tahap yang dinyatakan keboleh penggunaannya atau untuk membaik pulih infrastruktur kepada keadaan tertentu sebelum ia diserahkan kepada pemberi pada akhir pengaturan perkhidmatan, peruntukan hendaklah dibuat pada anggaran terbaik perbelanjaan yang akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi semasa pada akhir tarikh lembaran imbangan.

Dengan menerima pakai IC 12, peruntukan telah dibuat secara retrospektif untuk obligasi tersebut.

Pindaan-pindaan yang timbul dari menerima pakai IC 12 telah diguna secara retrospektif. Kesan daripada pindaan-pindaan ke atas penyata kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2011	2010
	RM'000	RM'000
Pertambahan dalam:		
Kos kewangan	44,619	47,208
Kos pengerukan	-	8,500
Perbelanjaan cukai tertunda	4,434	-
Pendapatan – perkhidmatan pembinaan	6,191	59,881
Kos perkhidmatan – perkhidmatan pembinaan	6,191	59,881
Pelunasan Aset Tak Ketara Konsesi	89,806	85,272
Pelunasan terkumpul		
Aset Tak Ketara Konsesi	89,806	755,463
Aset cukai tertunda	-	3,627
Peruntukan bagi kos penyelenggaraan pengorekan	2,833	8,500
Obligasi konsesi untuk bayaran pajakan	-	1,202,974
Pengurangan dalam:		
Pajakan tanah dan kemudahan	114,781	113,014
Kos pengerukan	8,500	-
Perbelanjaan cukai tertunda	-	3,627
Hartanah, loji dan peralatan	3,632	475,034
Susutnilai terkumpul hartanah, loji dan peralatan	28,880	131,856
Aset cukai tertunda	4,434	-
Obligasi konsesi untuk bayaran pajakan	64,411	-
Pendapatan terkumpul	864	205,586

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.3 Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia

Pada 19 November 2011, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) telah mengeluarkan satu rangka kerja perakaunan baru yang diluluskan oleh MASB, iaitu Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Rangka kerja MFRS).

Rangka kerja MFRS akan digunakan oleh semua Entiti selain daripada Entiti Persendirian untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012, dengan pengecualian entiti yang berada dalam skop MFRS 141 Pertanian (MFRS 141) dan Tafsiran IC 15 Perjanjian Untuk Pembinaan Hartanah (IC 15), termasuk syarikat induk, pelabur besar dan pengusaha utama.

Kumpulan akan dikehendaki menyediakan penyata kewangan menggunakan Rangka kerja MFRS dalam MFRS penyata kewangan pertama bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012. Dalam pembentangan MFRS penyata kewangan pertama, Kumpulan dikehendaki untuk menyatakan semula penyata kewangan perbandingan kepada jumlah yang mencerminkan aplikasi Rangka Kerja MFRS. Sebahagian besar pelarasannya yang diperlukan dalam peralihan akan dibuat, secara retrospektif, terhadap baki permulaan terkumpul.

Kumpulan belum menyiapkan penilaian kesan kewangan antara perbezaan Piawaian Pelaporan Kewangan dengan piawaian perakaunan dalam Rangka Kerja MFRS. Sehubungan itu, prestasi kewangan dan kedudukan kewangan seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 mungkin berbeza jika disediakan di bawah Rangka Kerja MFRS.

Kumpulan dijangka berada dalam kedudukan untuk mematuhi sepenuhnya keperluan Rangka Kerja MFRS bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

2.4 Asas penyatuhan

Penyata kewangan yang disatukan merangkumi penyata kewangan Syarikat dan Syarikat-syarikat subsidiarinya pada tarikh laporan. Penyata kewangan Syarikat-syarikat subsidiari yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan disatukan telah disediakan bagi tempoh perakaunan yang sama dengan Syarikat. Dasar perakaunan yang konsisten diguna pakai kepada urusniaga dan peristiwa dalam keadaan yang serupa.

Syarikat-syarikat subsidiari disatukan daripada tarikh pengambilalihan, iaitu tarikh dimana Kumpulan mempunyai kepentingan kawalan dan terus disatukan sehingga tarikh kawalan tersebut tamat. Dalam menyediakan penyata kewangan disatukan, baki antara syarikat dalam Kumpulan, urusniaga dan hasil laba atau kerugian tidak direalisasi dihapuskan sepenuhnya.

Pengambilalihan subsidiari diambilkira menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan kecuali satu subsidiari yang diambilalih mengguna kaedah perakaunan penggabungan.

Mengikut kaedah perakaunan penggabungan, kos pelaburan dalam buku Syarikat direkodkan pada nilai nominal saham diterbitkan. Keputusan subsidiari yang digabung diambilkira seolah-olah penggabungan tersebut telah berlaku sepanjang tahun kewangan semasa dan tahun-tahun kewangan sebelumnya. Sebarang hasil perbezaan kredit dikelaskan sebagai ekuiti dan dianggap sebagai rizab yang tidak boleh diagihkan. Sebarang hasil perbezaan debit diselaraskan dengan rizab yang bersesuaian.

Kaedah perakaunan pembelian melibatkan pengagihan kos pengambilalihan kepada nilai saksama aset yang diperoleh, liabiliti dan liabiliti luarjangka diandaikan pada tarikh pengambilalihan. Kos sesuatu pengambilalihan dikira sebagai aggregat nilai saksamanya, pada tarikh pertukaran, bagi aset yang diperolehkan, liabiliti yang terlibat atau diandaikan, dan instrumen ekuiti yang diterbitkan, termasuk kos-kos yang menyumbang secara langsung kepada pengambilalihan tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Asas penyatuan (samb.)

Sebarang lebihan daripada kos pengambilalihan atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset yang dikenalpasti, liabiliti dan liabiliti luarjangka mewakili muhibah.

Sebarang lebihan terhadap kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset yang dikenalpasti, liabiliti dan liabiliti luarjangka atas kos pengambilalihan diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

2.5 Pengaturan konsesi perkhidmatan

Menurut perjanjian penswastaan yang ditandatangani antara subsidiari dan Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) pada 31 Disember 1992, subsidiari telah diberi lesen untuk menyediakan perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu untuk tempoh 30 tahun.

Pertimbangan yang diberikan oleh pemberi

Aset tak ketara konsesi diiktiraf ke tahap di mana Kumpulan menerima hak untuk mengenakan caj kepada pengguna perkhidmatan awam, yang bukan hak tidak bersyarat untuk menerima tunai kerana amaun bergantung pada tahap orang awam menggunakan perkhidmatan. Aset tak ketara diambilkira seperti yang selaras dengan dasar yang dinyatakan untuk Aset Tak Semasa dalam Nota 2.6.

Bayaran pajakan tahunan bagi penggunaan tanah dan kemudahan

Bayaran bagi pajakan tanah dan kemudahan diiktiraf sebagai kos untuk mendapatkan hak penggunaan kepada infrastruktur dan diambilkira dalam mengira nilai saksama perkhidmatan yang diberikan kepada pemberi di bawah pengaturan konsesi perkhidmatan. Sehubungan itu, Kumpulan mengiktiraf dan menilai obligasi berkontrak ini selaras dengan dasar perakaunan bagi peruntukan dalam Nota 2.18.

Pembinaan atau menaik taraf perkhidmatan

Pendapatan dan kos-kos yang berkaitan dengan pembinaan atau menaik taraf perkhidmatan diambilkira mengikut dasar yang ditetapkan untuk Kontrak Pembinaan dalam Nota 2.7.

Perkhidmatan operasi

Pendapatan dan kos-kos yang berkaitan dengan perkhidmatan operasi diambilkira mengikut dasar untuk Kontrak Pembinaan dalam Nota 2.17.

Obligasi berkontrak untuk memulihkan infrastruktur ke tahap yang dinyatakan keboleh penggunaannya

Apabila Kumpulan mempunyai obligasi berkontrak di mana ianya mesti memenuhi syarat lesen untuk: a) mengekalkan infrastruktur kepada piawaian yang ditetapkan atau, b) untuk memulihkan infrastruktur apabila infrastruktur telah merosot di bawah keadaan yang telah ditetapkan, ia mengiktiraf dan menilai obligasi berkontrak ini selaras dengan dasar perakaunan bagi peruntukan dalam Nota 2.18. Baik pulih dan penyelenggaraan dan lain-lain perbelanjaan yang kebiasaan dikira sebagai perbelanjaan dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila berlaku.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.6 Aset tak ketara

Aset tak ketara dinilai pada pengiktirafan permulaan pada kos. Berikut pengiktirafan permulaan, aset tak ketara dinilai pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kemerosotan nilai terkumpul.

(a) Aset tak ketara konsesi

(i) Tanah dan infrastruktur yang dipajak

Ini mewakili nilai saksama hak untuk menggunakan tanah dan infrastruktur yang dipajak, dinilai pada nilai saksama pajakan pada permulaan Perjanjian Penswastaan dan pajakan tambahan yang berikutnya.

(ii) Infrastruktur yang diperoleh dan dibina

Ini mewakili kos-kos yang ditanggung dalam pengambilalihan dan pembinaan infrastruktur tambahan sepanjang tempoh konsesi.

(iii) Muhibbah

Ini mewakili lebihan daripada kos pengambilalihan perniagaan oleh Syarikat dari LPB ke atas aset bersih yang diambil alih.

Aset tak ketara konsesi mempunyai jangka hayat kegunaan yang terhad dan dinilai pada pengiktirafan permulaan seperti yang dinyatakan di atas, tolak pelunasan terkumpul dan kemerosotan nilai. Pelunasan disediakan berdasarkan unit penggunaan sepanjang tempoh konsesi.

(b) Perisian

Perisian yang diperoleh secara berasingan dinilai pada pengiktirafan permulaan atas kos. Perisian mempunyai jangka hayat kegunaan yang terhad dan dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kemerosotan nilai.

Perisian dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaannya selama sepuluh tahun.

Dasar perakaunan untuk pengiktirafan dan penilaian kerugian kemerosotan nilai dinyatakan dalam Nota 2.11. Perbelanjaan pelunasan ke atas aset tak ketara dengan hayat terhad diiktiraf dalam penyata pendapatan.

2.7 Kontrak pembinaan

Jika hasil daripada kontrak pembinaan dapat dianggarkan dengan betul, pendapatan kontrak dan perbelanjaan kontrak diiktiraf sebagai pendapatan dan perbelanjaan masing-masingnya dengan menggunakan kaedah tahap penyiapan. Tahap penyiapan diukur dengan merujuk kepada bahagian kos kontrak yang ditanggung bagi kerja yang telah dijalankan sehingga kini kepada jumlah anggaran kos kontrak.

Jika hasil daripada kontrak pembinaan tidak dapat dianggarkan dengan betul, pendapatan kontrak diiktiraf setakat kos kontrak yang mungkin boleh diperolehi semula. Kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia berlaku.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.7 Kontrak pembinaan (samb.)

Apabila terdapat kemungkinan jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah pendapatan kontrak, kerugian yang dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta merta.

Pendapatan kontrak terdiri daripada jumlah awal pendapatan yang telah dipersetujui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak, tuntutan dan bayaran insentif setakat mana ianya berkemungkinan menghasilkan pendapatan dan boleh diukur dengan betul.

Apabila kos yang ditanggung atas kontrak pembinaan ditambah dengan keuntungan yang diiktiraf (tolak kerugian yang diiktiraf) melebihi bil berperingkat, baki tersebut dikelaskan sebagai amaun berbayar daripada pelanggan atas kontrak. Apabila bil berperingkat melebihi kos yang ditanggung ditambah keuntungan yang diiktiraf (tolak kerugian yang diiktiraf), baki tersebut dikelaskan sebagai amaun berbayar kepada pelanggan atas kontrak.

2.8 Pelaburan dalam subsidiari

Pelaburan Syarikat dalam Syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan pada kos setelah ditolak kerugian rosotnilai. Dasar perakaunan untuk pengiktirafan dan penilaian kerugian kemerosotan nilai dinyatakan dalam Nota 2.11.

Semasa penjualan pelaburan berkenaan, perbezaan di antara perolehan bersih daripada penjualan dan nilai bawaan dicaj atau dikredit kepada penyata pendapatan.

2.9 Hartanah, loji dan perlatan

Semua hartaanah, loji dan peralatan pada permulaannya direkodkan pada kos. Kos-kos berikutnya adalah dimasuk dalam amaun bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, sebagaimana bersesuaian, hanya bila terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset tersebut akan membawa sumbangan kepada Kumpulan dan Syarikat dan kos aset tersebut boleh dinilai sewajarnya. Amaun bawaan untuk bahagian yang diganti tidak diiktirafkan. Semua kos berkaitan pembaikan dan penyelenggaraan dicaj kepada penyata pendapatan apabila berlaku.

Berikutnya kepada pengiktirafan, hartaanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Perjalanan dalam pelaksanaan tidak disusutnilaikan. Lain-lain hartaanah, loji dan peralatan disusutnilai mengikut kaedah garis lurus bagi menghapuskan kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat kegunaannya pada kadar tahunan berikut:

Bangunan dan kemudahan bulking	4%
Loji dan peralatan	10% - 20%
Kenderaan bermotor	10% - 20%
Perabot, kelengkapan dan peralatan pejabat	10% - 13%
Kapal	5% - 7%

Nilai bawaan hartaanah, loji dan peralatan telah dikaji untuk rosot nilai apabila terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawaan tidak dapat diperolehi kembali.

Nilai sisa, kegunaan jangka hayat dan kaedah susutnilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan dan dilaraskan mengikut kesesuaian.

Hartaanah, loji dan peralatan tidak diiktiraf sebagai aset semasa pelupusan atau apabila tidak terdapat lagi manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusan tersebut. Keuntungan atau kerugian dari penamatkan pengiktirafan aset telah dimasukkan dalam penyata pendapatan pada tahun aset tersebut tidak lagi diiktiraf.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.10 Hartanah dipegang untuk dijual

Hartanah dipegang untuk dijual dinyatakan pada kos dan nilai bersih terrealis yang mana rendah. Kos hartanah dipegang untuk dijual merangkumi perbelanjaan untuk memperolehi tanah, kos langsung dan pengagihan bersesuaian kos-kos bersama yang berkaitan untuk memajukan harta tanah sehingga penyiapannya.

Sebarang keuntungan atau kerugian atas pelupusan harta tanah dipegang untuk dijual diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tahun ianya berlaku.

2.11 Rosotnilai aset bukan kewangan

Nilai bawaan aset, selain daripada inventori dan aset cukai tertunda disemak semula pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang tanda-tanda kemerosotan nilai. Jika tanda-tanda tersebut wujud, atau apabila penilaian rosotnilai aset diperlukan, Kumpulan dan Syarikat akan membuat anggaran 'Asset recoverable amount'.

Bagi aset tak ketara yang mempunyai kegunaan hayat yang tidak tetap dan aset tak ketara yang belum dapat digunakan, 'recoverable amount' dianggar pada setiap tarikh lembaran imbangan atau lebih kerap apabila petunjuk rosotnilai dapat dikenalpasti.

'Asset recoverable amount' adalah nilai saksama aset tolak kos jualan yang mana tinggi dan nilai dalam penggunaan. Untuk tujuan menaksir rosotnilai, aset-aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana terdapat aliran tunai berasingan yang boleh dikenal pasti (unit janaan tunai ("UJT")).

Dalam menaksir nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan yang dijangka akan dihasilkan oleh aset didiskaun kepada nilai kini menggunakan kadar diskain sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai wang dan risiko spesifik kepada aset. Sekiranya amaun bawaan sesuatu aset melebihi 'recoverable amount', aset tersebut diturunkan nilai kepada 'recoverable amount'. Kerugian rosotnilai yang diiktiraf mengenai sesuatu UJT atau kumpulan UJT adalah diagihkan terlebih dahulu bagi mengurangkan nilai bawaan muhibah yang diagihkan kepada unit atau kumpulan unit dan kemudian, mengurangkan nilai bawaan aset-aset yang lain dalam unit atau kumpulan unit tersebut secara sama rata.

Kerugian rosotnilai adalah diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali bagi aset-aset yang sebelum ini telah dinilai semula di mana penilaian tersebut telah diambil ke dalam pendapatan komprehensif yang lain. Dalam kes ini, rosotnilai itu juga akan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain hingga ke jumlah penilaian semula sebelum ini.

2.12 Aset kewangan

Pengiktirafan permulaan

Aset kewangan dalam skop FRS 139 adalah diklasifikasi pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, pinjaman dan penghutang, pelaburan dipegang sehingga matang, aset kewangan sedia untuk dijual atau sebagai derivatif yang digunakan sebagai 'hedging instruments' dalam 'effective hedge', mengikut kesesuaian. Kumpulan dan Syarikat menentukan klasifikasi aset kewangannya pada pengiktirafan permulaan.

Aset kewangan diiktiraf pada mulanya dan dikira pada nilai saksama, dan di dalam situasi aset kewangan bukan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi akan terus diagihkan kepada perolehan aset kewangan tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.12 Aset kewangan (samb.)

Pengiktirafan permulaan (samb.)

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran (pembelian secara tetap) adalah diiktiraf pada tarikh dagangan. Contohnya tarikh Kumpulan atau Syarikat melakukan pembelian atau penjualan aset.

Aset kewangan Kumpulan dan Syarikat merangkumi tunai dan baki di bank, amaun berbayar daripada syarikat induk dan penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang. Semua aset kewangan Kumpulan dikelaskan sebagai pinjaman dan penghutang.

Pengukuran berikutnya

(a) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi jika iaanya dipegang untuk diniagakan atau telah dianggap sedemikian di awal pengiktirafan. Aset kewangan yang dipegang untuk diniagakan adalah derivatif (termasuk 'embedded derivatives' yang diasingkan) atau aset kewangan yang diperolehi pada dasarnya untuk dijual pada masa yang terdekat.

Berikutan kepada pengiktirafan permulaan, aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi adalah dikira pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan nilai saksama adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan. Keuntungan atau kerugian bersih pada aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi tidak termasuk perbezaan tukaran wang asing, faedah dan pendapatan dividen. Perbezaan tukaran wang asing, faedah dan pendapatan dividen pada aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf secara berasingan dalam penyata pendapatan atau sebahagian daripada kerugian atau pendapatan yang lain.

Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi boleh dibentangkan sebagai aset semasa atau tak semasa. Aset kewangan yang dipegang khususnya untuk tujuan diniagakan dibentangkan sebagai aset semasa manakala aset kewangan yang dipegang khususnya bukan untuk tujuan perniagaan dibentangkan sebagai aset semasa atau aset tak semasa pada tarikh penyelesaian.

Kumpulan dan Syarikat tidak mempunyai sebarang aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada tahun berakhir 31 Disember 2011.

(b) Pinjaman dan penghutang

Aset kewangan dengan pembayaran yang tetap atau boleh ditentukan yang bukan disenaraikan dalam pasaran yang aktif adalah diklasifikasikan sebagai pinjaman dan penghutang.

Berikutan kepada pengiktirafan permulaan, pinjaman dan penghutang dikira pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila pinjaman dan penghutang tidak diiktiraf atau dirosotnilai, dan melalui proses pelunasan.

Pinjaman dan penghutang diklasifikasikan sebagai aset semasa, kecuali yang mana mempunyai tarikh matang yang lebih daripada 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasikan sebagai tak semasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.12 Aset kewangan (samb.)

Pengukuran berikutnya (samb.)

(c) Pelaburan dipegang sehingga matang

Aset kewangan dengan pembayaran yang tetap atau boleh ditentukan dan waktu matang yang tetap diklasifikasikan sebagai dipegang sehingga matang apabila Kumpulan dan Syarikat mempunyai tujuan yang positif dan keupayaan untuk memegang pelaburan tersebut sehingga matang.

Berikutnya kepada pengiktirafan permulaan, pelaburan dipegang sehingga matang diukur pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila pelaburan yang dipegang sehingga matang tidak diiktiraf atau dirosotnilai, dan melalui proses pelunasan.

Pelaburan dipegang sehingga matang diklasifikasikan sebagai aset tak semasa, kecuali yang mana mempunyai tarikh matang dalam 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasikan sebagai semasa.

Kumpulan dan Syarikat tidak mempunyai sebarang pelaburan dipegang sehingga matang bagi tahun berakhir 31 Disember 2011.

(d) Aset kewangan sedia untuk dijual

Aset kewangan sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang dianggap tersedia untuk dijual dan tidak diklasifikasikan dalam sebarang tiga kategori yang terdahulu.

Selepas pengiktirafan permulaan, aset sedia untuk dijual adalah diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama aset kewangan adalah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali rosot nilai, keuntungan dan kerugian tukaran asing atas instrumen kewangan dan faedah yang dikira dengan menggunakan kaedah faedah efektif adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan. Keuntungan dan kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada penyata pendapatan sebagai penyesuaian klasifikasi apabila aset tersebut tidak diiktiraf. Pendapatan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif diiktiraf dalam penyata pendapatan. Dividen atas instrumen ekuiti sedia untuk dijual diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila hak Kumpulan dan Syarikat untuk menerima bayaran telah ditetapkan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang mana nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan betul adalah diukur pada kos tolak kerugian rosot nilai.

Aset kewangan sedia untuk dijual diklasifikasikan sebagai aset tak semasa, kecuali yang mana dijangka akan direalisasikan dalam 12 bulan selepas tarikh laporan.

Aset kewangan tidak diiktiraf dimana hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset telah luput. Untuk penamatan pengiktirafan secara keseluruhannya, perbezaan antara nilai bawaan dan jumlah yang diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.12 Aset kewangan (samb.)

(d) Aset kewangan sedia untuk dijual (samb.)

Cara biasa pembelian atau penjualan adalah pembelian yang memerlukan penghantaran aset dalam tempoh yang biasanya ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran yang berkenaan. Semua cara pembelian dan penjualan biasa bagi aset kewangan adalah diiktiraf dan tidak diiktiraf pada tarikh perdagangan. Contohnya tarikh Kumpulan atau Syarikat melakukan pembelian atau penjualan aset.

Kumpulan dan Syarikat tidak mempunyai sebarang aset kewangan sedia untuk dijual bagi tahun berakhir 31 Disember 2011.

2.13 Rosotnilai aset-aset kewangan

Kumpulan dan Syarikat menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan telah dirosotnilai. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan dianggap akan dirosotnilai jika, dan hanya jika, terdapat bukti objektif mengenai rosotnilai disebabkan oleh satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan permulaan sesuatu aset (peristiwa kerugian yang timbul) dan peristiwa kerugian tersebut memberikan kesan terhadap anggaran aliran tunai masa hadapan aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan wajarnya. Bukti rosotnilai termasuklah petunjuk bahawa penghutang atau kumpulan penghutang mengalami kesulitan kewangan yang ketara, kegagalan dalam pembayaran faedah atau prinsipal, kemungkinan muflis atau pengorganisasian semula kewangan lain dan dimana data yang diperhatikan menunjukkan penurunan dalam anggaran aliran tunai masa hadapan, seperti perubahan dalam tunggakan atau keadaan ekonomi yang berhubungkait dengan kegagalan.

2.14 Liabiliti Kewangan

Pengiktirafan permulaan

Liabiliti kewangan dalam skop FRS 139 diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman atau derivatif yang digunakan sebagai 'hedging instruments' dalam 'hedge' yang berkesan, yang bersesuaian. Kumpulan dan Syarikat menentukan klasifikasi liabiliti kewangannya semasa pengiktirafan permulaan.

Liabiliti kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dan dalam kes pinjaman, kos transaksi yang timbul secara langsung.

Liabiliti kewangan bagi Kumpulan dan Syarikat adalah termasuk pembiutang perdagangan dan lain-lain pembiutang. Semua liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat diklasifikasikan sebagai pinjaman.

Pengukuran berikutnya

(a) Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi termasuk liabiliti kewangan yang dipegang untuk dagangan dan liabiliti kewangan yang ditetapkan pada pengiktirafan awal sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan jika ianya diperolehi untuk tujuan dijual dalam jangka pendek. Kategori ini termasuk instrumen kewangan derivative yang dimasuki oleh Kumpulan dan Syarikat yang tidak memenuhi kriteria 'hedge accounting' seperti yang ditakrifkan oleh FRS 139.

Keuntungan atau kerugian atas liabiliti yang dipegang untuk diperdagangkan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.14 Liabiliti Kewangan (samb.)

Pengukuran berikutnya (samb.)

(b) Pinjaman

Pinjaman adalah diiktiraf awalnya pada nilai saksama, ditolak kos transaksi yang ditanggung, dan selanjutnya diukur pada kos yang dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Pinjaman diklasifikasikan sebagai liabiliti semasa kecuali Kumpulan dan Syarikat mempunyai hak tidak bersyarat untuk menangguhkan pembayaran liabiliti kepada sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan.

Untuk liabiliti kewangan yang lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila liabiliti tidak lagi diiktiraf, dan melalui proses pelunasan.

2.15 Cukai pendapatan

(a) Cukai Semasa

Aset dan liabiliti cukai semasa adalah diukur pada jumlah yang dijangka dapat dikutip daripada atau dibayar kepada penguatkuasa cukai. Kadar cukai dan undang-undang percukaian yang digunakan untuk mengira jumlah tersebut adalah yang dikuatkuasa ataupun telah dikuatkuasa sebahagian besarnya pada tarikh pelaporan.

Cukai semasa adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(b) Cukai Tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan mengguna kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh lembaranimbangan di antara asas cukai bagi aset dan liabiliti dan nilai bawaan dalam penyata kewangan. Mengikut prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara deduktible, kerugian cukai dan kredit cukai yang belum digunakan setakat mana kemungkinan terdapat keuntungan bercukai untuk digunakan atas perbezaan sementara deduktible, kerugian cukai dan kredit cukai yang belum digunakan boleh digunapakai.

Cukai tertunda tidak diiktirafkan jika perbezaan sementara timbul dari muhibah ataupun muhibah negatif atau dari pengiktirafan asal sesuatu aset atau liabiliti di dalam transaksi yang bukan kombinasi perniagaan dan pada masa transaksi, tidak menjelaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan bercukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan diguna dalam tempoh mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasar pada kadar cukai yang diaktakan atau hampir diaktakan pada tarikh lembaranimbangan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan diambilkira dalam penyata pendapatan bagi tempoh yang dinyatakan, kecuali jika ianya timbul daripada transaksi yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, dan dalam kes tersebut, cukai tertunda juga diiktiraf terus dalam ekuiti.

Aset dan liabiliti cukai tertunda adalah diimbangi, jika wujudnya penguatkuasaan undang-undang untuk mengimbangi aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda berkaitan dengan entiti kena cukai yang sama dan penguatkuasa cukai yang sama.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.16 Manfaat Pekerja

(a) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan telah diberi oleh para pekerja. Gantirugi ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti bayaran cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberi oleh para pekerja akan menambah kelayakannya ke atas gantirugi ketidakhadiran masa hadapan dan gantirugi ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(b) Skim Sumbangan Tetap

Skim sumbangan tetap adalah pelan manfaat persaraan dimana Kumpulan membayar sumbangan tetap ke dalam dana berasingan yang tidak mempunyai obligasi undangundang atau obligasi konstruktif untuk membayar sumbangan-sumbangan selebihnya sekiranya dana tidak mencukupi untuk membayar kesemua manfaat pekerja berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tahun kewangan semasa dan tahun kewangan sebelumnya. Sumbangan ini diambilkira sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian apabila ianya berlaku. Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia memberi sumbangan kepada skim persaraan negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

(c) Manfaat Persaraan - Pelan Manfaat Tetap

Kumpulan mengendalikan Skim Manfaat Persaraan tidak berdana untuk pekerjanya. Manfaat tersebut dibayar berdasarkan pada gaji akhir yang diterima oleh pekerja dan bilangan tahun perkhidmatan dengan Kumpulan.

Di bawah Skim ini, peruntukan kos manfaat persaraan dibuat dalam lembaran imbangan Kumpulan berdasarkan penilaian aktuari sekali setiap tiga tahun dengan menggunakan kaedah unit kredit unjurian. Mengikut kaedah ini, peruntukan kos manfaat persaraan dicaj kepada penyata pendapatan. Tanggungan ini dikira pada nilai terkini anggaran pengaliran keluar tunai masa depan menggunakan pulangan pada tarikh lembaran imbangan sekuriti kerajaan yang mempunyai tarikh matang menghampiri terma tanggungan Kumpulan.

Laba dan kerugian aktuari berlaku disebabkan perubahan dalam andaian aktuari dan perbezaan diantara andaian aktuari dengan kejadian sebenar. Laba dan kerugian berkenaan dikredit atau dicaj kepada keuntungan atau kerugian ke atas tempoh baki purata hayat perkhidmatan dijangka bagi seseorang pekerja yang menyertai pelan tersebut.

2.17 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan transaksi berpindah kepada Kumpulan dan amaun pendapatan tersebut boleh dianggarkan dengan munasabah.

(a) Pendapatan daripada operasi pelabuhan

Pendapatan daripada operasi pelabuhan diiktiraf setelah ditolak rebet berdasarkan asas akruan apabila perkhidmatan tersebut dilaksanakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

2. Ringkasan dasar-dasar perakaunan penting (samb.)

2.17 Pengiktirafan Pendapatan (samb.)

(b) Pendapatan daripada kontrak pembinaan

Pendapatan daripada kontrak pembinaan diiktiraf berasaskan peratusan penyiapan, seperti yang dijelaskan dalam polisi perakaunan bagi Kontrak Pembinaan dalam Nota 2.7.

(c) Pendapatan daripada kemudahan bulking

Pendapatan daripada kemudahan bulking diiktiraf setelah ditolak diskaun berdasarkan atas akruan apabila perkhidmatan tersebut dilaksanakan.

(d) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran telah terbukti.

2.18 Peruntukan liabiliti

Peruntukan liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai tanggungan semasa akibat daripada kejadian lampau dan kemungkinan penggunaan sumber yang mempunyai manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan tanggungan tersebut, dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat. Peruntukan diteliti semula pada setiap tarikh laporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik.

Apabila kesan diskaun adalah material, jumlah yang diiktiraf bagi peruntukan adalah nilai terkini pada akhir tempoh laporan perbelanjaan masa depan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Peningkatan dalam jumlah nilai diskaun semasa yang timbul daripada peredaran masa dimasukkan dalam "Kos kewangan" dalam penyata pendapatan komprehensif.

2.19 Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai adalah termasuk tunai dan baki tunai di bank, deposit panggilan dan pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi yang mempunyai risiko tidak ketara akibat perubahan nilai.

2.20 Instrumen Ekuiti

Instrumen ekuiti adalah sebarang kontrak yang membuktikan sisa faedah dalam aset Syarikat selepas ditolak semua liabilitinya. Saham biasa adalah instrumen ekuiti.

Saham biasa direkodkan pada hasil yang diterima, ditolak peningkatan kos transaksi yang terlibat secara langsung. Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Dividen atas saham biasa diiktiraf di ekuiti dalam tempoh ianya diisytiharkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

3. Anggaran dan anggapan perakaunan penting

Sumber-sumber utama anggaran yang ketidaktentuan

Penyediaan penyata kewangan Syarikat memerlukan pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti, dan pendedahan liabiliti luar jangka yang dilaporkan pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran boleh menyebabkan hasil yang mungkin memerlukan pelarasan yang material kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti yang terjejas pada masa akan datang.

Andaian-andaian utama berkaitan masa depan dan lain-lain sumber utama anggaran yang ketidaktentuan pada tarikh lembaran imbang, yang mempunyai risiko penting untuk mengakibatkan pelarasan ketara kepada amaun bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan yang akan datang dibincangkan di bawah:

(a) Penilaian rosotnilai harta tanah, loji dan peralatan berkaitan aset-aset bulking

Pada 31 Disember 2011, amaun bawaan harta tanah, loji dan peralatan berkaitan dengan kemudahan bulking ("aset-aset bulking") adalah RM109,574,957 (2010: RM107,865,439). Kumpulan memastikan samada terdapat kemerosotan nilai pada amaun bawaan aset bulking sekurang-kurangnya setiap tahun. Kumpulan menjalankan ujian rosotnilai berdasarkan pada nilai penggunaan aset bulking tersebut. Dalam membuat anggaran nilai penggunaan, Kumpulan perlu membuat anggaran aliran tunai masa depan yang dijangka daripada aset bulking dan juga untuk memilih kadar diskaun yang berpatutan untuk mengira nilai terkini aliran tunai tersebut.

Unjuran aliran tunai masa depan sepetimana digunakan oleh Kumpulan dalam analisanya termasuk andaian yang signifikan berkaitan pertumbuhan kendalian kargo. Dalam keadaan dimana Kumpulan tidak dapat mencapai unjuran pertumbuhan kendalian kargo, aliran tunai masa depan akan terjejas dan memungkinkan peruntukan rosotnilai diiktiraf pada amaun bawaan aset bulking tersebut.

(b) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk kerugian cukai belum digunakan dan elau modal belum diserap setakat mana kemungkinan terdapat keuntungan bercukai boleh digunakan ke atas kerugian dan elau modal tersebut. Penilaian yang teliti perlu dibuat oleh pengurusan untuk memastikan amaun aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan pada penentuan pemasaan dan tahap keuntungan bercukai masa depan bersama dengan strategi perancangan cukai masa hadapan. Tiada Kerugian cukai yang belum digunakan dan elau modal belum diserap pada tarikh lembaran imbang. Elauan cukai pelaburan belum digunakan bagi Kumpulan pada tarikh lembaran imbang adalah RM87,752,363 (2010: RM95,549,316).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

4. Pendapatan

	Kumpulan		Syarikat	
	2011 RM'000	2010 RM'000	2011 RM'000	2010 RM'000
	(Dinyatakan Semula)			
Pendapatan daripada perkhidmatan pelabuhan	454,729	434,044	-	-
Pendapatan daripada perkhidmatan pembinaan bagi infrastruktur konsesi	6,191	59,881	-	-
Pendapatan daripada perkhidmatan bulking	29,217	20,910	-	-
Pendapatan dividen daripada subsidiari	-	-	159,250	159,250
	<u>490,137</u>	<u>514,835</u>	<u>159,250</u>	<u>159,250</u>

Pendapatan daripada perkhidmatan pembinaan adalah berkenaan dengan menaik taraf kemudahan pelabuhan, diambil kira selaras dengan peruntukan IC 12.

5. Lain-lain pendapatan

	Kumpulan		Syarikat	
	2011 RM'000	2010 RM'000	2011 RM'000	2010 RM'000
	(Dinyatakan Semula)			
Pendapatan faedah	12,860	13,391	9,835	10,216
Sewa diterima	452	531	-	-
Keuntungan dari pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	17	-	-	-
Keuntungan dari pelupusan aset tak ketara	-	3,171	-	-
Lain-lain	1,115	1,484	36	-
	<u>14,444</u>	<u>18,577</u>	<u>9,871</u>	<u>10,216</u>

6. Kos perkhidmatan pembinaan

	Kumpulan	
	2011 RM'000	2010 RM'000
	(Dinyatakan Semula)	
Kos dari perkhidmatan pembinaan untuk infrastruktur konsesi	<u>6,191</u>	<u>59,881</u>

Syarikat menganggap nilai saksama untuk pertimbangan bagi perkhidmatan yang diberikan dalam pengambilalihan atau naik taraf infrastruktur menghampiri kos yang ditanggung kerana kebanyakan kerja-kerja pembinaan telah disubkontrakkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

7. Kos staf

	Kumpulan		Syarikat	
	2011	2010	2011	2010
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Upah, gaji, elauan dan bonus	45,029	41,643	1,148	607
Manfaat Tetap Skim Manfaat Persaraan (Nota 25)	3,619	4,593	-	-
Skim sumbangan tetap (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja)	5,195	4,712	163	64
Lain-lain manfaat pekerja	8,684	8,157	169	90
	<hr/> <u>62,527</u>	<hr/> <u>59,105</u>	<hr/> <u>1,480</u>	<hr/> <u>761</u>

Butir-butir kos persaraan Skim Manfaat Persaraan Kumpulan ada terkandung dalam Nota 25.

8. Sewa pajak kemudahan pelabuhan

	Kumpulan		(Dinyatakan semula)
	2011	2010	
	RM'000	RM'000	
Sewa pajak	<hr/> <u>1,100</u>	<hr/> <u>(7,596)</u>	

Kumpulan membelanja RM114,781,001 (2010: RM104,327,448) untuk menyewa kemudahan pelabuhan daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu. Bayaran ini diambil kira sebagai pengurangan obligasi berkontrak yang telah diperuntukkan pada permulaan perjanjian penswastaan pada nilai diskaun terkini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

9. Lain-lain perbelanjaan

	Kumpulan		Syarikat	
	2011	2010	2011	2010
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Butiran-butiran berikut telah dimasukkan dalam pengiraan lain-lain perbelanjaan:				
Ganjaran juruaudit				
- tahun semasa	162	168	55	60
- lebih peruntukan dalam tahun lepas	(1)	-	-	-
Ganjaran pengarah bukan eksekutif				
- yuran	1,140	1,092	876	828
- lain-lain emolumen	346	157	299	117
Sewa peralatan	884	836	53	54
Sewa ruang pejabat	77	587	37	37
Kerugian daripada penjualan hartanah dipegang untuk jualan	65	81	-	-
Denda kelewatan	1,450	1,753	-	-
Kerja dalam pelaksanaan dihapuskirakan	33	444	-	-

10. Kos kewangan

	Kumpulan		Syarikat	
	2011	2010	2011	2010
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
(Dinyatakan semula)				
Peningkatan dalam jumlah diskaun peruntukan bagi obligasi berkontrak untuk bayaran pajakan yang timbul daripada peredaran masa				
	<u>44,619</u>	<u>47,208</u>		

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

11. Ganjaran - pengurusan utama

(a) Pampasan untuk kakitangan pengurusan utama

Kakitangan pengurusan utama adalah seseorang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti sesebuah entiti samada secara langsung atau tidak langsung, termasuk para pengarah entiti tersebut.

Ganjaran para pengarah dan pengurusan utama Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2011 RM'000	2010 RM'000	2011 RM'000	2010 RM'000
Ganjaran dan manfaat	2,276	1,912	1,457	1,005
Manfaat Tetap persaraan:				
Skim sumbangan tetap	122	113	43	-
	2,398	2,025	1,500	1,005

(b) Ganjaran pengarah

Jumlah agregat emolumen diterima dan belum terima oleh para pengarah Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan adalah seperti berikut :

	Kumpulan		Syarikat	
	2011 RM'000	2010 RM'000	2011 RM'000	2010 RM'000
Pengarah bukan eksekutif				
- yuran	1,140	1,092	876	828
- elaun mesyuarat	242	157	195	117
- elaun kereta	104	-	104	-
	1,486	1,249	1,175	945

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

11. Ganjaran - pengurusan utama (samb.)

(b) Ganjaran pengarah (samb.)

Bilangan para pengarah Syarikat yang mana jumlah ganjaran dalam tahun kewangan tergolong dalam julat berikut adalah seperti di bawah:

	Bilangan Pengarah	
	2011	2010
Pengarah bukan eksekutif:		
Di bawah RM50,000	-	3
RM50,001 - RM100,000	1	3
RM100,001 - RM150,000	5	4
RM150,001 - RM200,000	3	2
RM200,001 - RM250,000	1	-
	<hr/>	<hr/>

12. Cukai pendapatan

Komponen utama perbelanjaan cukai pendapatan

Komponen utama perbelanjaan cukai pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 dan 2010 adalah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2011	2010	2011	2010
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
(Dinyatakan semula)				

Penyata pendapatan komprehensif:

Cukai pendapatan semasa:

Cukai pendapatan Malaysia	35,030	42,6304	1,267	41,713
Tuntutan pembayaran balik tahun sebelumnya bagi elaun cukai pelaburan Projek Perkidmatan Diluluskan (PPL)	(33,487)	-	-	-
Kurang / (Lebih) peruntukan pada tahun sebelumnya	3,442	(1,912)	-	(358)
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	4,985	40,718	41,267	41,355

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

12. Cukai pendapatan (samb.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2011	2010	2011	2010
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000

(Dinyatakan semula)

Cukai tertunda (Nota 20):

Perbezaan sementara asal dan dibalik semula	5,880	3,139	-	-
Lebihan peruntukan cukai tertunda bagi tahun-tahun lepas	-	(13)	-	-
	<u>5,880</u>	<u>3,126</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Cukai pendapatan diiktiraf dalam penyata pendapatan	<u>10,865</u>	<u>43,844</u>	<u>41,267</u>	<u>41,355</u>

Penyesuaian antara perbelanjaan cukai dengan keuntungan perakaunan

Penyesuaian antara perbelanjaan cukai dengan produk keuntungan perakaunan didarab dengan kadar cukai korporat bagi tahun-tahun berakhir 31 Disember 2011 dan 2010 adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2011	2010	2011	2010
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000

(Dinyatakan semula)

Keuntungan sebelum cukai	181,575	183,288	164,084	166,045
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia pada 25% (2010: 25%)	45,394	45,822	41,021	41,512
Pelarasan:				
Perbelanjaan tidak dibenarkan	2,096	1,069	235	201
Tuntutan pembayaran balik tahun sebelumnya bagi elaun cukai pelaburan Projek Perkembangan Diluluskan (PPL)	(33,487)	-	-	-
Kurang / (Lebih) peruntukan cukai pendapatan berkenaan tahun-tahun lepas	3,442	(1,912)	-	(358)
Lebih peruntukan cukai tertunda dalam tahun-tahun lepas	-	(13)	-	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

12. Cukai pendapatan (samb.)

Penyesuaian antara perbelanjaan cukai dengan keuntungan perakaunan (samb.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2011	2010	2011	2010
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
(Dinyatakan semula)				
Penggunaan kerugian cukai tidak diiktiraf sebelum ini, elaun modal belum diserap dan elaun cukai pelaburan belum digunakan	(4,278)	(1,122)	-	-
Aset cukai tertunda tidak diiktiraf	(2,302)	-	11	-
 Cukai pendapatan diiktiraf dalam penyata pendapatan	 <u>10,865</u>	 <u>43,844</u>	 <u>41,267</u>	 <u>41,355</u>

13. Pendapatan Sesaham

(a) Asas

Pendapatan sesaham asas Kumpulan dikira dengan membahagikan keuntungan bagi tahun dengan bilangan saham biasa yang diterbitkan sepanjang tahun kewangan.

	Kumpulan	
	2011	2010
	(Dinyatakan semula)	
Keuntungan bersih cukai (RM'000)	170,710	139,443
Bilangan saham biasa yang diterbitkan ('000)	400,000	400,000
Pendapatan asas sesaham (sen)	<u>42.68</u>	<u>34.86</u>

(b) Kecairan

Tidak terdapat kecairan dalam pendapatan sesaham.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

14. Dividen

	Dividen berhubung		Dividen diiktiraf	
	tahun		dalam tahun	
	2011	2010	2011	2010
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Diiktiraf pada tahun:				
Dividen akhir setingkat bagi 2009				
- 7.50 sen sesaham	-	-	-	30,000
Dividen khas setingkat bagi 2009				
- 7.50 sen sesaham	-	-	-	30,000
Dividend interim setingkat bagi 2010				
- 7.50 sen sesaham	-	30,000	-	30,000
- 7.50 sen sesaham	-	30,000	-	30,000
- 7.50 sen sesaham	-	30,000	-	30,000
Dividen akhir setingkat bagi 2010				
- 7.50 sen sesaham	-	30,000	30,000	-
Dividen khas setingkat bagi 2010				
- 7.50 sen sesaham	-	30,000	30,000	-
Dividend interim setingkat bagi 2011				
- 7.50 sen sesaham	30,000	-	30,000	-
- 7.50 sen sesaham	30,000	-	30,000	-
- 7.50 sen sesaham	30,000	-	30,000	-
	90,000	150,000	150,000	150,000

Para pengarah mencadang pembayaran dividen akhir setingkat sebanyak 7.50 sen sesaham dan dividen khas setingkat sebanyak 7.50 sen sesaham ke atas 400,000,000 saham biasa, yang berjumlah RM30,000,000 dan RM30,000,000 masing-masingnya dimana, jika dilulus oleh ahli-ahli pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang, akan dibayar pada 25 Mei 2012 kepada para pemegang saham yang berdaftar sebagai ahli pada penutupan perniagaan 15 Mei 2012. Penyata kewangan bagi tahun semasa tidak menggambarkan dividen yang dicadangkan. Dividen tersebut, jika dipersetujui oleh para pemegang saham, akan diambilkira di dalam ekuiti sebagai agihan ke atas keuntungan terkumpul dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2011

15. Hartanah, loji dan peralatan

Kumpulan	Bangunan dan Struktur RM'000	Kemudahan Bulking RM'000	Loji dan Peralatan RM'000	Kenderaan Bermotor RM'000	Kelengkapan dan Peralatan Pejabat RM'000	Perabot, Kerja dalam pelaksanaan	Jumlah RM'000
						Kapal RM'000	Kapal pelaksanaan RM'000
Kos:							
Pada 1 Januari 2010 seperti yang telah dinyatakan Kesan daripada menerima pakai IC 12	323,167	84,059	159,876	6,159	19,230	134,179	163,419
(307,423)	-	-	-	-	-	-	(114,846) (422,269)
Seperti yang dinyatakan semula Tambahan Pelupusan Pindahan Dikelaskan Semula Hapuskira Pada 31 Disember 2010 (Dinyatakan semula)	15,744 12 - - - - 15,756	84,059 - - - - - 112,210	159,876 7,008 (2,737) 2,392 - - 166,539	6,159 205 (71) - - - 6,293	19,230 442 - 317 - - 19,989	134,179 - - - - - 134,179	48,573 16,323 - - - - 13,559
Pada 1 Januari 2011 seperti yang telah dinyatakan Kesan daripada menerima pakai IC 12	490,789	112,210	166,539	6,293	19,989	134,179	13,559
(475,033)	-	-	-	-	-	-	- (475,033)
